



Hujung Minggu

پروڈنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.47 | SUBUH 4.57 | SYURUK 6.15 | DUHA 6.37 | ZUHUR 12.22 | ASAR 3.29 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.37

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 44

12 APRIL 2025 / 1446

شوال 13

مانیسٹ ایمان

"DAN berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhanmu."

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 26 - 27

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

SELAMAT MELUARAN SEORANG PUTERI

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 April.

- Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hajji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,

Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,

>> Muka 2

Majlis Doa Selamat, Kesukuran Istiadat Bersiram

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 April. - Majlis Doa Selamat dan Kesukuran bagi Istiadat Bersiram Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hajji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena selamat meluaran Yang Amat Mulia Pengiran Anak Daniya Rahmatul Bolkiah binti Pengiran Suami Abdullah Al-Hashimi, berlangsung di Surau, Istana Nurul Iman.

Majlis disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Hajji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj.

Istiadat bermula dengan empat orang Awang-Awang masuk ke dalam majlis untuk meletakkan Dian Empat yang tersedia terpasang di tempat yang dikhaskan.

Kemudian diikuti tiga orang Awang-Awang membawa masuk Surat Dikir, Bantal Geguling dan Pabarahan dan meletakkannya di tempat yang telah ditentukan.

>> Muka 3



MAJLIS Doa Selamat dan Kesukuran bagi Istiadat Bersiram Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hajji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena selamat meluaran Yang Amat Mulia Pengiran Anak Daniya Rahmatul Bolkiah binti Pengiran Suami Abdullah Al-Hashimi disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Hajji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj. Foto : Mohammad Hasif Matzin (Lihat muka 3).

Ibu bapa berperanan penting bantu anak capai kejayaan

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 April. - Salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035 ialah negara berhasrat untuk memastikan rakyat mempunyai pendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya agar mereka dapat memajukan negara.

Oleh yang demikian, setiap pelajar bertanggungjawab untuk memastikan mereka berjaya daripada segi pendidikan dan menjadi modal insan yang berguna.

Kejayaan ini dinilai bukan sahaja daripada segi pendidikan, malah daripada segi kemahiran dalam pelbagai bidang antaranya sains dan teknologi, kejuruteraan, ekonomi, keusahawanan, kemahiran keinsanan (soft skills) dan sebagainya.

>> Muka 6

Penghantaran bantuan kemanusiaan ke Republik Kesatuan Myanmar

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 April. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hajji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menghantar bantuan kemanusiaan dalam bentuk barang keperluan asasi ke Republik Kesatuan Myanmar, dengan menggunakan pesawat Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), hari ini.

>> Muka 4

Serlahkan inovasi produk, perkhidmatan Halalan Thayyiban

Siaran Akhbar : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

SINAUT, Khamis, 10 April. - Pertandingan HTRC Product & Service Invention : Level Up telah berlangsung dengan jayanya di Kampus Sinaut, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang mempamerkan pelbagai

produk dan perkhidmatan inovatif yang dihasilkan oleh para pelajar dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT).

>> Muka 7



Berita Utama



120 pelajar Tahun 7 hadiri Taklimat Kenegaraan

Muka 5



SEKOLAH PGGB Sungai Akar anjur Sambutan Hari Raya

Muka 9



UBD terima Babson Collaborative Spotlight Award 2025

Muka 19



RENCANA
PROGRAM Pensijilan Perancangan Pensaraan (RPCP) memperkasa perancangan persaraan di Negara Brunei Darussalam

Muka 20

Selamat meluaran seorang puteri

>> Muka 1

dengan ini memaklumkan bahawasanya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah, isteri kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, telah selamat meluaran seorang puteri pada Rabu, 10 Syawal 1446 Hijrah bersamaan 9 April 2025 Masihi, jam 6.54 pagi.

Sempena dengan meluaran ini, sebanyak 17 das tembakan meriam telah dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman.

YANG Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah, isteri kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, telah selamat meluaran seorang puteri pada Rabu, 10 Syawal 1446 Hijrah bersamaan 9 April 2025 Masihi, jam 6.54 pagi.



PERMOHONAN SKIM TVET DIBUKAKAN

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 April. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa memaklumkan bahawa permohonan bagi Skim Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi sesi akademik 2025/2026 khusus bagi pelajar lepasan sekolah di peringkat 'O' untuk mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam negeri telah dibukakan bermula hari ini, Khamis, 10 April 2025, jam 8.30 pagi hingga hari Sabtu, 10 Mei 2025,

jam 4.00 petang.

Skim TVET merupakan salah satu projek kerjasama di antara Kementerian Pendidikan, pihak Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM), Jabatan Perdana Menteri dan pihak Pusat Pekerjaan Brunei (PPB), Jabatan Perdana Menteri. Skim ini disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menawarkan program yang membawa kepada pekerjaan sambil meningkatkan

kelulusan dan kemahiran anak-anak tempatan.

Dalam hubungan ini, orang ramai khususnya penuntut-penuntut lepasan sekolah di peringkat 'O' yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, adalah dialu-alukan untuk memohon bagi mendapatkan Skim TVET ini.

Surat Pemberitahuan bilangan 07/2025 dan borang permohonan Skim TVET boleh didapati dari laman sesawang rasmi Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn. Borang-borang yang telah lengkap diisikan berserta

dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dihantar melalui tatacara yang telah ditetapkan iaitu ke pihak institusi yang ditetapkan tidak lewat pada hari Sabtu, 10 Mei 2025, jam 4.00 petang.

Bagi pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, pemohon yang berminat bolehlah menghubungi Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan melalui nombor telefon pejabat: 2380019 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu, 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang) ataupun melalui e-mel: scholarship@moe.gov.bn.

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	SABTU	13	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
13	AHAD	14	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
14	ISNIN	15	4.46	4.56	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27	7.37
15	SELASA	16	4.45	4.55	6.14	6.36	12.21	3.30	6.27	7.37
16	RABU	17	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37
17	KHAMIS	18	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37
18	JUMAAT	19	4.44	4.54	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	24 °C
Pekan Bangar		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	24 °C
Pekan Tutong		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	24 °C
Kuala Belait		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	24 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

12 APRIL 2025

Memaafkan bukan bererti kelemahan tapi kemenangan

SEBAGAI umat Islam, kita hendaklah sentiasa mencontoh sifat-sifat dan akhlak yang ada pada diri Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Antara sifat Baginda yang perlu kita jadikan sebagai contoh dan suri teladan dalam kehidupan sehari-hari ialah sikap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang pemaaf dan berlapang dada.

Sepertimana yang ditegaskan menerusi Khutbah Jumaat pada minggu ini, maksud memaafkan itu ialah mengambil sikap berlapang dada dan meninggalkan perkara-perkara yang membawa kepada permusuhan dan pertelingkahan antara satu sama lain. Sesungguhnya memaafkan itu bukanlah bererti satu tanda kelemahan, sebaliknya ia adalah satu kemenangan kerana kita dapat menewaskan perasaan dendam yang merupakan hasutan syaitan. Ini kerana perasaan dendam hanya akan membawa masalah, huru-hara dan rasa tidak tenang dalam kehidupan kita. Malah akibat dendam, manusia sanggup melakukan perkara-perkara dosa dan keji.

Oleh itu, sikap memberi kemaafan itu memberi kesan yang baik dan positif kepada semua orang, malah ia juga sangat bermanfaat bagi kesihatan fizikal dan mental kita. Bahkan bukan itu sahaja, Allah Subhanahu Wata'ala akan menambah kemuliaan kepada orang yang pemaaf.

Kita hidup di dunia ini tidak akan pernah terlepas dari menerima ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada ujian berbentuk kesenangan ataupun ujian berbentuk kesusahan.

Adakalanya ujian dan dugaan yang diberikan itu membuat kita berasa gembira dan kadangkalanya pula ujian dan dugaan itu membuat kita berasa marah dan susah hati.

Sebagai umat Islam, dalam menghadapi ujian dan dugaan tersebut, kita hendaklah sentiasa mengamalkan sifat sabar dan cuba sedaya upaya untuk mengawal kemarahan. Ini kerana marah itu adalah sifat yang sangat buruk dan dicela.

Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan sifat marah itu daripada api dan menjadikannya sebagai salah satu tabiat ataupun perangai bagi manusia. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menyebutkan dalam hadis Baginda bahawa orang yang dapat menahan diri daripada marah itu adalah orang yang kuat.

Tidak dinafikan bahawa dalam setiap diri manusia itu pasti ada sifat marah, namun kemarahan itu perlulah dikawal dan ada batasannya. Justeru, untuk mengelakkan dari terjadi sifat marah tersebut, kita hendaklah mengawal kemarahan dan sedia memaafkan kesalahan orang lain.

Seandainya ada orang yang membuat kita marah, janganlah kita berdendam dan bermusuhan, apakah lagi untuk memutuskan hubungan silaturahim.

Menghiasi diri dengan akhlak yang baik dan mulia itu adalah satu keutamaan bagi membina dan membangun kerukunan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara. Dalam agama kita, orang-orang yang berakhlik baik dan mulia ini meneplat kedudukan yang tinggi di dunia dan di akhirat. - Ketua Penyuntingan (Ad)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doaa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جا بن قراغن، جا بن فردان منتری دان چیتقو اوله فرینت قلس سندیرين بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MAJLIS DOA SELAMAT, KESYUKURAN ISTIADAT BERSIRAM

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad,
Alishahrin Haji Mumin



>> Muka 1

Sejurus itu, Majlis Berdiri dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

Seterusnya diikuti dengan

persesembahan Dikir Syarafil Anam, bacaan Rawi serta Dikir Marhaban oleh Yang Dimuliakan Begawan-Begawan Pehin Khatib dan Begawan-Begawan Mudim.

Sebaik bacaan sampai kepada perenggan 'Ya Habibi' dibacakan, 17 das tembakan meriam dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman.

Bagi memberkati majlis, Doa

Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Berangkat dan hadir ke majlis berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis



SUASANA pada Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran bagi Istiadat Bersiram yang berlangsung di Surau, Istana Nurul Iman (atas dan kiri).

Mesyuarat Negara; Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri; Pengiran-Pengiran Peranakan; Pehin-Pehin Manteri Berchiri; Manteri-Manteri Bertauliah; Setiausaha-setiausaha Tetap; dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.

Sementara di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, majlis turut dihadiri oleh para jemputan wanita.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Daniya Rahmatul Bolkiah

merupakan puteri pertama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Suami Abdullah Nabil Mahmoud Al-Hashimi yang selamat meluaran pada Rabu, 28 Rabiulawal 1446 bersamaan 2 Oktober 2024, di Portland Hospital, London, United Kingdom, jam 9.55 pagi waktu tempatan.



17 das tembakan meriam dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman (kiri). Manakala gambar atas, sebahagian jemputan wanita yang hadir di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman.

Sambutan Hari Raya mempererat silaturahim, mengukuhkan permuafakatan

TUTONG, Jumaat, 11 April. – Kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri masih hangat dirasakan,

apalagi jika majlis berkenaan diadakan dengan penuh kemauafakatan dan kerjasama

daripada penduduk kampung. Sehubungan dengan itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK)

Panchor : Kampung Panchor Papan, Panchor Dulit dan Kampung Suran, Daerah Tutong telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Sekampung bagi tahun 2025.

Majlis berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti ucapan alu-aluan daripada Ketua Kampung Panchor, Awang

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Sekampung bagi tahun 2025.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Muhammad Adib bin Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Sulaiman selaku Pengurus Majlis.

Awang Muhammad Adib dalam ucapannya antara lain berharap agar majlis seumpamanya dapat mempererat perpaduan dan ukhuwah bersama penduduk kampung dalam merayakan Hari Raya Aidilfitri.

Selain itu tambahnya, ia bertujuan untuk mempererat silaturahim dan mengukuhkan permuafakatan antara Ahli-ahli MPK dan penduduk kampung dalam sama-sama memeriahkan lagi majlis berkenaan.

Pengisian acara termasuk penyampaian sumbangan kepada 19 anak yatim di bawah tадahan Kampung Panchor yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.



PENGHANTARAN BANTUAN KEMANUSIAAN KE REPUBLIK KESATUAN MYANMAR

Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

>> Muka 1

Penghantaran bantuan kemanusiaan ini adalah berikutan kejadian gempa bumi yang telah melanda Republik Kesatuan Myanmar pada 28 Mac 2025.

Acara penyerahan bantuan kemanusiaan telah diadakan di Pangkalan Tentera Udara Rimba dan dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Kuasa Usaha Sementara di Kedutaan Besar Republik Kesatuan Myanmar di Bandar Seri Begawan,

Khin Sandar.

Turut hadir ialah para pegawai kanan daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) serta Kedutaan Besar Republik Kesatuan Myanmar di Bandar Seri Begawan.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II semasa hadir pada acara berkenaan.



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid semasa berucap pada Majlis Sambutan Raya Rumah Terbuka.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 April. - Belia perlu memikirkan akan perancangan masa hadapan agar tidak ketinggalan demi kejayaan diri dalam arus moden dan dunia serba canggih ini di samping untuk akhirat jua kelak.

Generasi penerus yang merupakan harapan bangsa dan negara kita itu harus komited untuk mencapai kejayaan mereka demi mempertahankan negara, bangsa dan agama yang kita tanai selaku warga Negara Brunei Darussalam. Demikian antara kata-kata

nasihat Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri pada Majlis Sambutan Raya Rumah Terbuka berlangsung di kediaman Ketua Unit Belia, Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Yusli bin Haji Ashli.

Awang Haji Amir Hisham seterusnya menekankan kepada para belia untuk sentiasa memupuk sifat saling hormat-menghormati termasuk kepada kedua-dua ibu bapa, guru serta masyarakat sekeliling demi mencapai reda Allah Subhanahu Wata'ala serta jangan sese kali akan lupa kewajipan iaitu solat yang merupakan tiang agama Islam yang perlu diperkuuhkan.

Seramai 50 belia daripada keempat-empat daerah telah menghadiri Sambutan Hari Raya yang disemarakkan dengan sesi bual bicara motivasi bersama salah seorang belia yang masih muda sudah memperoleh kelulusan Master dari United Kingdom iaitu Awang Haris bin Jefri Ismail.

Selain berkongsi pengalaman pembelajarannya di negeri orang, Awang Haris juga memberikan beberapa kata motivasi kepada para belia lain iaitu untuk jangan pernah sese kali berasa putus asa apabila gagal malah teruskan bangkit berdiri dan terus mencuba



PARA belia semasa menuaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah di kediaman Ketua Unit Belia, Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid.

sehingga mencapai apa yang diinginkan atau menuju sasaran yang dikehendaki.

Para belia tegasnya, untuk sentiasa mementingkan akhlak atau sikap tolong-menolong dan juga daripada segi pengurusan masa perlu bijak dalam mengatur dan membahagikan masa seiring dengan kehidupan yang dilalui sehari-hari.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Awang Haji Yusli Haji Ashli**

Terdahulu, para belia menuaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah dan acara juga dimeriahkan dengan sajian Hari Raya yang dihidangkan dan beramah mesra sesama belia yang lain.

Apa yang diharapkan dengan

Sambutan Hari Raya ini meskipun meraikan dengan penuh kegembiraan, kewajipan selaku umat Islam tetapi dikerjakan terlebih dahulu dan juga kita jangan terlalu leka dan lalai akan tanggungjawab yang dianahkan.

Terapkan nilai murni, adab dalam diri anak-anak

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 April. - Dalam era moden yang serba mencabar ini, nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda semakin pupus dan kurang diperaktikan.

Justeru, ibu bapa dan masyarakat memainkan peranan penting dalam memastikan anak-anak tidak terlepas daripada didikan moral yang kukuh.

Salah satu cara yang efektif ialah dengan menggalakkan mereka melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.

Penglibatan dalam aktiviti seperti gotong-royong, program derma darah, bantuan bencana, dan lawatan ke rumah orang tua bukan sahaja memperkenalkan

anak-anak kepada dunia luar, tetapi juga memberi peluang untuk mereka belajar tentang nilai-nilai penting seperti tanggungjawab, empati, dan kerjasama.

Anak-anak yang dibesarkan dalam persekitaran yang prihatin akan lebih mudah membentuk sikap tidak camah mata, iaitu tidak acuh tak acuh atau pentingkan diri sendiri.

Melalui aktiviti kemasyarakatan, anak-anak akan belajar bahawa setiap individu mempunyai peranan dalam membentuk masyarakat yang harmoni. Mereka akan mula menyedari bahawa kebersihan, keselamatan dan kesejahteraan kawasan tempat tinggal adalah tanggungjawab

bersama, bukan semata-mata tugas pihak berkuasa.

Lebih penting lagi, penglibatan awal dalam aktiviti sebegini boleh memupuk semangat kesukarelawanan sejak kecil, sekali gus dapat membentuk keperibadian yang peka terhadap keperluan orang lain.

Penglibatan ibu bapa dalam mendidik anak-anak seawal dari rumah untuk menjadi individu yang bertanggungjawab adalah penting untuk dipupuk di usia muda mereka bahkan dari mereka kecil.

Tunjuk ajar mereka dengan melakukan kerja-kerja rumah seperti membersihkan halaman, membuang sampah, mengemas dan sebagainya.

Ini akan membina generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, bahkan juga berjiwa penyayang dan bertanggungjawab.

Kesimpulannya, ibu bapa, guru



PENDIDIKAN anak-anak seawal dari rumah memberi peluang untuk mereka belajar tentang nilai-nilai penting seperti tanggungjawab, empati, dan kerjasama.

dan masyarakat wajar terus memberi galakan serta membuka ruang kepada anak-anak untuk terlibat dalam pelbagai bentuk aktiviti kemasyarakatan.

Langkah berkenaan bukan sahaja membina sahsiah diri yang positif, malah juga menyumbang kepada kelestarian masyarakat yang harmoni dan berintegriti.

120 PELAJAR TAHUN 7 HADIRI TAKLIMAT KENEGARAAN

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 April. – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Lambak Kiri, hari ini.

Seramai 120 orang pelajar Tahun 7 menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang diadakan di

dewan sekolah berkenaan. Turut hadir, Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar, Dayang Maswani binti Haji Ahmad dan para tenaga pengajar.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan selaku Pemangku Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para pelajar juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan

lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Ia juga diharapkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri pelajar.

SALAH seorang pelajar semasa menerima hadiah pada taklimat berkenaan, manakala gambar bawah kanan, taklimat disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan selaku Pemangku Ketua Seksyen Komunikasi Strategik. Sementara gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir pada taklimat tersebut.



40 pain darah berjaya dikumpul



ANTARA yang menyertai Kempen Derma Darah anjuran The One Mall, Batu Satu dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) (atas dan atas kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 April. - Sebanyak 40 pain darah berjaya dikumpul dalam Kempen Derma Darah anjuran The One Mall, Batu Satu dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), yang diadakan di Function Room Mall berkenaan, hari ini.

Kempen yang bermula pada jam

10.00 pagi hingga 3.00 petang bertujuan untuk menyokong Tabung Darah Negara Brunei Darussalam, di samping untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menderma darah secara berkala.

Selain itu, melalui kempen berkenaan juga, ia dapat menyelamatkan nyawa serta membantu pesakit yang memerlukan.

Dengan menderma darah, orang ramai dapat membantu memastikan bekalan darah yang mencukupi di hospital dan pusat perubatan bagi keperluan kecemasan dan rawatan perubatan.

Bagi yang ingin menderma darah, bolehlah ikuti sosial media atau aplikasi Bloodkad atau datang terus ke Pusat Pendermaan Darah Hospital RIPAS pada waktu bekerja atau pusat derma darah di setiap daerah.



جابت فرانخون ابک نومی دان ستاتیستك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHVAL PENGELUAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



MENINGKATKAN KESEDARAN KEPENTINGAN MENDERMA DARAH

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Rabu, 9 April. – Qadya Diagnostic Service (QCare) dengan kerjasama Tabung Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), telah menganjurkan Kempen Derma Darah, bertempat di Tingkat 1, Bangunan Gadong Properties.

Kempen yang diadakan bersempena 22 tahun penubuhan QCare berkenaan telah bermula pada jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertujuan untuk menyokong Tabung Darah Negara Brunei Darussalam, di samping untuk meningkatkan kesedaran

mengenai kepentingan menderma darah secara berkala.

Semasa kempen tersebut, sejumlah 67 pain darah berjaya dikumpul.

Selain itu, melalui kempen berkenaan juga, ia dapat menyelamatkan nyawa serta membantu pesakit yang memerlukan.

Sebagai tanda penghargaan, semua penderma diberikan snek ringan dan baucar pemeriksaan darah untuk 20 penderma yang berjaya mendermakan darah mereka.

Pemberian baucar berkenaan bertujuan memastikan para penderma dapat memantau kesihatan mereka dan mengesan penyakit lebih awal.

Dengan menderma darah, orang ramai dapat membantu memastikan bekalan darah yang mencukupi di hospital dan pusat perubatan bagi keperluan kecemasan dan rawatan perubatan.

SEKITAR Kempen Derma Darah, bertempat di Tingkat 1, Bangunan Gadong Properties.



Ibu bapa berperanan penting bantu anak capai kejayaan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Seorang pelajar yang berjaya dalam pendidikan dan mempunyai kemahiran keinsanan seperti berkomunikasi dan berkongsi pemikiran, ilmu dan bakat dapat melahirkan seorang insan yang berkualiti tinggi.


Di samping turut bekerja keras dalam apa jua bidang yang diceburi dan berusaha untuk menjadi golongan yang berilmu pengetahuan, mempunyai pelbagai kemahiran dan berjaya daripada pelbagai bidang agar dapat sama-sama memajukan negara.

Perlu diingat, segala pencapaian

kecil ataupun besar adalah sangat berharga bagi negara. Dengan yang demikian, setiap individu tidak perlu berasa terbatas dalam menjalankan apa jua usaha untuk meraih kejayaan.

Selain guru-guru di sekolah mendidik dan membantu para pelajar dalam pembelajaran mereka, ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu anak-anak mereka untuk memberi panduan berdasarkan minat dan juga usaha keras ke arah mencapai impian serta hala tuju anak-anak tersebut bermula pada sekolah menengah lagi.

BELIA memainkan peranan yang sangat penting dan aset yang amat berharga bagi masa depan negara.



Ini akan membantu para pelajar untuk fokus ke atas sasaran yang diinginkan. Para ibu bapa juga dapat membantu daripada segi mengetahui lebih dalam akan kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat pengajian tinggi seterusnya bersesuaian dalam bidang pekerjaan suatu hari nanti.

Setiap lapisan masyarakat mempunyai peranan untuk sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035. Tanpa usaha bersama ini, setentunya negara

tidak akan dapat mencapai apa yang diharaskan.

Belia memainkan peranan yang sangat penting dan aset yang amat berharga kepada negara

memandangkan mereka adalah generasi yang akan menjadi pewaris kepimpinan dan merupakan tonggak kekuatan masa depan negara.



جامعة مجلس السلامة على الطرق
NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

@ mkkjrbrunei | www.mkkjr.gov.bn



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Galakkan Belia Ceburi Bidang Pertanian.' Tarikh Tutup : 16 April 2025
- 'Bijak Memanfaatkan Media Sosial.' Tarikh Tutup : 23 April 2025
- 'Menjamin Kesihatan, Kesejahteraan Ibu & Anak.' Tarikh Tutup : 30 April 2025

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaraf jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

SERLAHKAN INOVASI PRODUK, PERKHIDMATAN HALALAN THAYYIBAN

■ Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



>> Muka 1

Cahaya Borneo : Aiskrim fusion tradisi 'Putri Mandi' telah meraih tempat pertama, sementara tempat kedua ialah Thalathah : Kad permainan pendidikan bernilai Islamik 'Wahid' dan tempat tiga disandang oleh Hal.Lab : Skrub bibir semula jadi daripada bahan halal 'Beet n Bloom'.

Dayangku Siti Zahrah binti Pengiran Haji Md. Arul Faeizal pula diumumkan sebagai Pembentang Terbaik.

Majlis telah disempurnakan oleh Pengarah PPHT, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim juga selaku tetamu kehormat.

Adapun tujuan pertandingan diadakan adalah untuk mengembangkan pengetahuan sains dan teknologi dalam mencipta produk dan perkhidmatan yang memberi impak serta menepati prinsip Halalan Thayyiban.

Pertandingan ini bukan sahaja mengasah daya fikir kritis dan kemahiran teknikal mahasiswa, malah turut menyokong komitmen Negara Brunei Darussalam terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang merangkumi SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan, SDG 4: Pendidikan Berkualiti, SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi, SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur, SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab, SDG 13: Perubahan Iklim, dan SDG 15: Kehidupan di Darat.

Selain itu juga, membuktikan usaha berterusan UNISSA dan PPHT dalam memajukan industri halal melalui inovasi mampan.

Kesemua produk hasil daripada pertandingan ini kini sedang dalam proses penyelidikan dan pembangunan lanjut serta pada masa yang sama sedang dipersiapkan untuk pertandingan



SESI bergambar ramai pada Pertandingan HTRC Product & Service Invention : Level Up yang diadakan di Kampus Sinaut, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) (atas). Manakala gambar atas kiri, juara pada pertandingan berkenaan iaitu Cahaya Borneo : Aiskrim fusion tradisi 'Putri Mandi'. Sementara gambar kanan, antara yang menyertai pertandingan tersebut.

ciptaan peringkat antarabangsa.

Turut hadir, jemputan khas dari Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Health Innovation Lab, Kementerian Kesihatan, tenaga akademik, kakitangan dan mahasiswa/i UNISSA.



Bengkel kongsi penyediaan CV, teknik jawab temu duga

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN) dengan kolaborasi bersama Unit Pembangunan Kemahiran,

Keusahawanan dan Inovasi (UPKKI), Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar UNISSA Sesi 2024 / 2025 telah menganjurkan Bengkel CV dan Temu Duga Profesional di Pusat Pekerjaan Brunei, Kampung Beribi.

Bengkel ini melibatkan seramai 46 peserta terdiri daripada pelajar dan Alumni UNISSA.

Antara tujuan bengkel adalah untuk memberi pendedahan serta tunjuk ajar mengenai penyediaan CV yang berkesan, teknik

menjawab soalan temu duga serta etika profesional yang relevan dalam menghadapi dunia kerjaya yang mencabar.

Antara objektif utama bengkel ini adalah untuk membantu peserta memahami elemen penting dalam penyusunan CV yang efektif, meningkatkan keyakinan diri dalam komunikasi lisan semasa temu duga serta memberikan kesedaran tentang kepentingan sikap profesional dan etika kerja. Melalui pendekatan praktikal dan interaktif, para peserta turut berpeluang menjalani sesi simulasi temu duga dan menerima maklum balas secara langsung.

Dua fasilitator jemputan dari Pusat Pekerjaan Brunei, iaitu Awang Mohd. Khairul Hasbullah bin Haji Anuar dan Awang Haji Abdul Azim bin Haji Salleh telah

dijemput untuk menyampaikan bengkel ini.

Sepanjang bengkel berlangsung, para pelajar dan alumni telah berpeluang berinteraksi secara langsung dengan fasilitator, sekali gus memperoleh pendedahan yang bermakna serta ruang untuk bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman berkaitan proses temu duga.

UNISSA akan terus melaksanakan program pembangunan kemahiran seperti ini bagi memperkasakan pelajar dan alumni, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran graduan. Dengan adanya program sebegini, diharapkan para peserta dapat menghadapi alam pekerjaan dengan lebih yakin, profesional dan berdaya saing.



PARA peserta semasa sesi bergambar ramai pada Bengkel CV dan Temuduga Profesional yang berlangsung di Pusat Pekerjaan Brunei, Kampung Beribi.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun
PenggunaBijak



MEWUJUDKAN PERSEKITARAN DIGITAL SELAMAT, TERJAMIN

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 April. — Dalam membentuk masa depan digital yang inklusif bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), pembangunan sistem dan alat Kecerdasan Buatan (AI) yang bertanggungjawab dan beretika adalah menjadi satu keperluan.

Dengan ini, Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), dengan kerjasama Kumpulan Kerja Tadbir Urus dan Etika AI telah menyediakan satu 'Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan untuk Brunei Darussalam'. Sebelum ini, satu Kertas

Konsultasi Awam telah pun dikeluarkan pada Julai 2024 yang lalu, dengan maklum balas daripada wakil-wakil dari pihak kerajaan, industri, akademia, komuniti teknologi dan orang awam telah dinilai dalam penyediaan garis panduan berkenaan.

Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan berkenaan mengetengahkan pendekatan yang berdasarkan prinsip-prinsip dan amalan yang bertanggungjawab seperti 'Transparency and Explainability', 'Data Protection and Data Governance', 'Security and Safety, Robustness and Reliability', 'Fairness and Equity', 'Human Centricity' dan 'Accountability and Integrity'.

Garis panduan berkenaan menyediakan panduan mengenai amalan dan perlindungan yang perlu diperlakukan oleh organisasi yang membentuk, membangunkan, menggunakan dan memanfaatkan teknologi AI di NBD.

Dengan adanya panduan

Siaran Akbar : Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam

■ **GARIS** Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan berkenaan mengetengahkan pendekatan yang berdasarkan prinsip-prinsip dan amalan yang bertanggungjawab seperti 'Transparency and Explainability', 'Data Protection and Data Governance', 'Security and Safety, Robustness and Reliability', 'Fairness and Equity', 'Human Centricity' dan 'Accountability and Integrity'.

■ **PANDUAN** berkenaan diharap akan dapat memacu inovasi serta menggalakkan penggunaan AI yang beretika dan bertanggungjawab.

■ **PENYEDIAAN** garis panduan berkenaan menunjukkan usaha berterusan dalam mewujudkan persekitaran digital yang selamat dan terjamin seiring dengan perjalanan kita menuju Negara Pintar.

berkenaan diharap akan dapat memacu inovasi serta menggalakkan penggunaan AI yang beretika dan bertanggungjawab.

Prinsip-prinsip yang terdapat dalam panduan berkenaan adalah juga selaras dengan amalan serantau seperti yang terdapat di dalam Panduan 'ASEAN Guide on AI Governance and Ethics' agar pembangunan sistem AI boleh diguna pakai di peringkat serantau, serta juga meningkatkan


kredibiliti organisasi dan keyakinan pengguna terhadap sistem dan alat AI yang digunakan.

Penyediaan garis panduan berkenaan menunjukkan usaha berterusan dalam mewujudkan persekitaran digital yang selamat dan terjamin seiring dengan perjalanan kita menuju Negara Pintar.

Untuk maklumat lanjut, garis panduan berkenaan boleh diakses melalui laman sesawang, <https://aiti.gov.bn/AIGuideGE>.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 April. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) telah memperkenalkan beberapa tawaran bagi pengunjung yang ingin menikmati



BKISHHB perkenalkan 3 kad keahlian

pengalaman lebih bermakna di Galeri BKISHHB.

Tawaran ini bermula pada awal April 2025 dengan merangkumi Pakej Lawatan, Pakej Kumpulan, Pakej Galeri Plus, Kad Keahlian BKISHHB, Kad Kesetiaan serta pembelian tiket secara tunai untuk pelawat residen dan bukan residen.

Tawaran tersebut merupakan sebahagian daripada usaha BKISHHB untuk menjadikan galeri ini lebih mesra pengunjung, sekali gus memberikan lebih banyak pilihan dan manfaat kepada mereka yang ingin meneroka warisan Islam yang kaya dengan sejarah dan nilai seni.

Penjualan tiket bermula pada jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang dan tiket-tiket boleh dibeli di kaunter pembelian tiket di BKISHHB. Kemasukan percuma bagi kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah.

Dalam pada itu, ke arah meningkatkan pengalaman lawatan, tiga Kad Keahlian BKISHHB diperkenalkan iaitu Kad Keahlian Perak, Emas dan Platinum.

Kad Keahlian Perak berharga BND50 dengan keistimewaan keahlian iaitu satu Kad Ahli Perak diberikan; Keahlian sah bagi tempoh satu tahun; Kemasukan tanpa had sepanjang tahun; boleh membawa seorang tetamu dewasa atau kanak-kanak bagi penduduk warganegara; Kemasukan tetamu maksimum lima kali setahun; sebanyak dua peratus diskaun pembelian di Kedai Souvenir BKISHHB bagi Produk Aewon.

Sementara, Kad Keahlian Emas berharga BND75 dengan keistimewaan keahlian iaitu satu Kad Ahli EMAS diberikan: Keahlian sah bagi tempoh satu tahun; Kemasukan tanpa had sepanjang tahun; boleh membawa dua orang tetamu dewasa atau kanak-kanak penduduk warganegara; Kemasukan tetamu maksimum lima kali setahun; sebanyak tiga peratus diskaun pembelian di Kedai Souvenir BKISHHB bagi Produk Aewon.

Manakala bagi Kad Keahlian Platinum berharga BND100 dengan keistimewaan keahlian

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Infografik : Ihsan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

iaitu satu Kad Ahli Platinum diberikan: Keahlian sah bagi tempoh satu tahun; Kemasukan tanpa had sepanjang tahun; dibenarkan membawa tiga orang tetamu dewasa atau kanak-kanak penduduk warganegara; Kemasukan tetamu maksimum lima kali setahun; sebanyak empat peratus diskaun pembelian di Kedai Souvenir BKISHHB bagi Produk Aewon.

Sehubungan itu, manfaat lain bagi ahli-ahli tersebut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

BKISHHB percaya bahawa dengan pelancaran pakej-pakej baharu tersebut, lebih ramai pengunjung dari dalam dan luar

negara akan berpeluang menikmati serta memahami lebih mendalam tentang koleksi khazanah Islam yang dipamerkan.

Dengan keunikan koleksi yang terdapat di BKISHHB, pelawat akan dapat menyaksikan sendiri pelbagai khazanah berharga yang mencerminkan keagungan seni dan sejarah Islam dari pelbagai zaman dan tamadun.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pakej ini, orang ramai boleh mengunjungi kaunter tiket BKISHHB atau menghubungi talian +673 2220702 sambungan 140 atau melalui talian WhatsApp +673 8153267 atau melayari laman sesawang rasmi BKISHHB www.bkishhb.gov.bn.



کاد کستیاں
بالي خزانه إسلام سلطان حاج حسن الباقیہ

Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah Loyalty Card





BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 :

Tafsirnya : "Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan *uswah hasanah* iaitu contoh teladan yang terbaik bagi umat manusia untuk diikuti dalam semua aspek kehidupan sama ada dari sudut ketaatan dan keimanan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, pergaulan, akhlak dan

Jauhi sifat dendam, berilah kemaafan

seumpamanya.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa mencontohi sifat-sifat dan akhlak yang ada pada diri Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, antara sifat Baginda yang perlu kita jadikan sebagai contoh dan suri teladan dalam kehidupan sehari-hari kita ialah sikap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang memaaf dan berlapang dada.

Saidatina Aisyah Radiallahuanha pernah menjelaskan mengenai akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. "Daripada Abu Ishaq Radiallahuanhu, ia berkata, aku mendengar Abu Abdullah Al-Jadali Radiallahuanhu berkata : Aku pernah bertanya kepada Aisyah Radiallahuanha mengenai akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka ia pun menjawab : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak melakukan dan mengucapkan perkara yang buruk. Baginda juga tidak berteriak di pasar dan tidak akan membala kejahanan dengan kejahanan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan memaafkan dan berlapang dada". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Maksud memaafkan itu ialah mengambil sikap berlapang dada dan meninggalkan perkara-perkara yang membawa kepada perrusuhan dan pertelingkahan antara satu sama lain. Sesungguhnya memaafkan itu bukanlah bererti satu tanda kelemahan ataupun kekalahan, sebaliknya ia adalah satu kemenangan kerana kita dapat menewaskan perasaan dendam yang merupakan hasutan syaitan. Ini kerana perasaan dendam hanya akan membawa masalah, huru-hara dan rasa tidak tenang dalam kehidupan kita. Malah akibat dendam, manusia sanggup melakukan perkara-perkara dosa dan keji.

Oleh itu, sikap memberi kemaafan itu memberi kesan yang baik dan positif kepada semua orang, malah ia juga sangat bermanfaat bagi kesihatan fizikal

dan mental kita. Bahkan bukan itu sahaja, Allah Subhanahu Wata'ala akan menambah kemuliaan kepada orang yang memaaf. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Dan tidaklah Allah menambah kepada seorang hamba yang memaaf kecuali kemuliaan". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Memang tidak dapat dinafikan, dalam kehidupan kita sehari-hari, kita akan terlepas daripada menerima ujian dan dugaan, yang kadang kala menyebabkan timbulnya perasaan marah, tidak puas hati dan sifat dendam dalam diri kita angka daripada perbuatan orang lain yang tidak menyenangkan hati kita seperti dimulakan, difitnah, dihina, dizalimi dan seumpamanya.

Perlu diingat, bahawa agama kita memerintahkan umatnya supaya sentiasa bersifat sabar dan kita dianjurkan agar tidak membala kejahanan dengan kejahanan, sebaliknya perbuatan jahat itu hendaklah dibalas dengan cara yang lebih baik iaitu dengan kebaikan dan kemaafan. Maka sentiasalah bersikap pemaaf dan berlapang dada sekalipun berada di persekitaran yang negatif kerana sikap tersebut mampu membawa perubahan kepada keadaan sekeliling. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fussilat, ayat 34 yang tafsirnya : "Dan tidaklah sama (antara) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kehahanan yang dilakukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik sehingga orang yang bermusuhan denganmu akan menjadi seolah-olah sahabat karib".

Di dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada dijelaskan mengenai keistimewaan orang yang bersifat pemaaf, antaranya ialah :

Pertama : Mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah

Ash-Shura, ayat 40 :

Tafsirnya : "Dan balasan sesuatu kejahanan adalah kejahanan yang setimpal dengannya, maka sesiapa yang memaafkan dan berbuat baik (kepada orang yang menzalimi) maka pahalanya dijamin oleh Allah. Sesungguhnya Dia tidak menyukai orang-orang yang zalim".

Kedua : Sifat memaafkan dapat melembutkan hati seseorang.

Ketiga : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda menjelaskan bahawa pemaaf itu merupakan antara iman yang paling utama. Daripada Ma'qal bin Yasir Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Iman yang paling utama adalah sabar dan memaafkan". (Hafis Riwayat Imam Bukhari)

Sikap berlapang dada dan suka memberi kemaafan ini adalah sikap mulia yang diajarkan oleh agama kita. Oleh yang demikian, sikap ini hendaklah dipraktikkan dalam kehidupan kita, sama ada dalam institusi kekeluargaan ataupun bermasyarakat. Justeru, apabila berlakunya perselisihan faham, hendaklah segera bermaaf-maafan di antara satu sama lain agar tidak berlaku sebarang pergaduhan dan perrusuhan yang berpanjangan.

Akhirnya, jauhilah sifat dendam, sebaranklah perilaku saling memaafkan sebagai tanda kesucian hati serta jadikanlah sifat pemaaf dan berlapang dada itu sebagai amalan dan diterapkan dalam kehidupan kita sehari-hari. Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita hidup dalam keadaan masyarakat yang harmoni, bersatu padu dan berkasih sayang. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : "Jadilah seorang pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan yang makrif serta berpalinglah daripada orang-orang yang jahil". (Surah Al-Araf, ayat 199)

Sekolah PGGMB Sungai Akar anjur Sambutan Hari Raya

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Ihsan Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

SUASANA pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Kampung Sungai Akar (kanan dan bawah kanan).

SUNGAI AKAR, Khamis, 10 April. - Bagi memeriahkan lagi suasana bulan Syawal dan sebagai salah satu aktiviti tahunannya, Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Kampung Sungai Akar tidak ketinggalan mengungkayahkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri.

Juga hadir, Jawatankuasa Tadbir PGGMB, Guru Besar Sekolah, Dayang Maswati Airin Patrah binti Ahmad; mantan Guru Besar, Awang Haji Ali bin Haji Tarip; guru-guru dan murid-murid sekolah.

Dalam ucapan alu-aluannya, Guru Besar Sekolah PGGMB, Dayang Maswati Airin Patrah menggariskan beberapa tujuan



majlis ini antaranya ialah mengerakkan hubungan silaturahim dalam kalangan para murid, guru-guru, kakitangan sekolah dan Jawatankuasa Tertinggi PGGMB, di samping mengamalkan tarbiyah dan pengajaran yang diamalkan sepanjang bulan suci Ramadan.

Majlis ini tambahnya juga adalah untuk memupuk nilai-nilai murni positif semasa Hari Raya Aidilfitri ini serta mencungkil minat, bakat dan potensi para murid dalam nyanyian dan persembahan yang disertai.

Beliau turut merakamkan penghargaan dan terima kasih

kepada mantan Guru Besar Sekolah, Awang Haji Ali atas komitmen, dedikasi dan kewibawaan beliau dalam meneraju dan memimpin sekolah ini.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiha, Doa Selamat, Takbir Hari Raya dan seterusnya persembahan daripada murid-murid kindergarten, rendah bawah, rendah atas, guru-guru sekolah dan penyampaian hadiah bagi persembahan dan pakaian tercantik.

Pada majlis tersebut, hadiah-hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.



KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 12 SYAWAL 1446H/11 APRIL 2025M

Jauhi Sifat Dendam, Berilah Kemaafan



Sikap pemaaf dan berlapang dada

Satu kemenangan kerana ia dapat menewaskan perasaan dendam

Memberi kesan yang baik dan positif kepada semua orang

Sangat bermanfaat bagi kesihatan fizikal dan mental



Kita dianjurkan agar tidak membalaas kejahanan dengan kejahanan, tetapi dengan cara yang lebih baik iaitu dengan kebaikan dan kemaafan

Di dalam al-Quran dan hadith Rasulullah SAW ada dijelaskan mengenai keistimewaan orang yang bersifat pemaaf, antaranya:

 Mendapat ganjaran daripada Allah SWT

 Sifat memaafkan dapat melembutkan hati seseorang

 Sifat pemaaf itu antara iman yang paling utama

ORANG RAMAI DIGALAKKAN UNTUK DERMA DARAH



AWANG Mohammad Soffri bin Haji Serudin semasa ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 10 April. - Menderma darah merupakan amalan yang sangat penting untuk dilakukan kerana ia dapat membantu menyelamatkan nyawa pesakit yang memerlukan.

Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha sentiasa mengadakan kempen darah di tempat-tempat tumpuan untuk menggalakkan orang ramai menderma darah bagi menampung keperluan

pemindahan darah di kesemua hospital di negara ini.

Salah seorang penderma, Awang Mohammad Soffri bin Haji Serudin, 53 tahun, berkata, beliau merancang untuk menderma darah secara rutin setiap tiga bulan bagi membantu menambah bekalan stok darah di negara ini.

"Sejak aplikasi Bloodkad diperkenalkan kepada orang ramai beberapa tahun yang lalu, ia memudahkan kami sebagai penderma darah untuk melihat status stok bekalan darah mengikut jenis darah yang dikemas kini oleh Pusat Pendermaan Darah," katanya kepada Pelita Brunei.

Beliau juga menyarankan orang ramai yang mempunyai kesihatan dan tahap darah yang baik untuk sama-sama menyumbang bagi membantu para pesakit yang memerlukan pemindahan darah terus menerima rawatan.

Sementara itu, Dayang Umi binti Abdul Razak, 43 tahun, yang juga salah seorang penderma darah

DAYANG Ernee Sofinah binti Mustapha semasa ditemu bual.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

turut menyarankan orang ramai menderma darah secara rutin setiap tiga bulan kerana banyak manfaat yang diperoleh bukan sahaja kepada masyarakat malahan daripada segi kesihatan penderma.

"Malahan, rutin menderma darah dapat dimulakan sedari muda lagi lebih-lebih lagi di negara ini, bekalan darah sentiasa diperlukan bagi menyelamatkan nyawa pesakit yang memerlukan.

Secara peribadi, saya berpendapat kita perlu menjaga kesihatan secara berterusan bagi memastikan tubuh kita



mempunyai tahap kesihatan yang baik untuk menderma darah kerana kita tidak tahu siapa yang akan memerlukan pemindahan darah berkenaan suatu masa nanti, kemungkinan ahli-ahli keluarga dan rakan-rakan kita.

Ketika ini, anak salah seorang rakan saya yang menghidapi penyakit Talasemia memerlukan bekalan darah kerana stok jenis darahnya mengalami kekurangan mengemas kini tarikh dan lokasi kempen-kempen tersebut.

Mustapha berkata, menderma darah sangat memberi impak besar yang positif bukan sahaja pada diri si penderma malah untuk masyarakat.

Jadi, ujar beliau, setiap individu perlu peka akan kempen-kempen derma darah yang diadakan dan turut serta menyertai kempen ini.

Pemberigaan kempen derma darah boleh diperoleh melalui laman media sosial seperti Instagram @bloodbank_ripas dan aplikasi Bloodbank yang sentiasa mengemas kini tarikh dan lokasi kempen-kempen tersebut.



DAYANG Umi binti Abdul Razak semasa ditemu bual.

Majlis Perpisahan mantan Guru Besar

Berita dan Foto : Ihsan Sekolah Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 April. - Majlis Perpisahan / Persaraan Awang Haji Ali @ Haji Mustapha bin Haji Talib, iaitu mantan Guru Besar Sekolah Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB), Kampung Sungai Akar telah diadakan petang tadi di Jeruton Lounge, Kampung Jerudong.

Majlis berkenaan dikendalikan oleh guru-guru dan kakitangan Sekolah PGGMB, Kampung Sungai Akar.

Pemangku Guru Besar, Sekolah PGGMB, Kampung Sungai Akar, Dayang Maswati Airin Patrah binti Ahmad dalam ucapan alu - aluannya mengongsikan beberapa resepi tatacara kepimpinan dan pentadbiran yang diamalkan oleh Awang Haji Ali @ Haji Mustapha semasa menerajui Sekolah PGGMB, Kampung Sungai Akar sepanjang bersama beliau hingga sekolah

mendapat keputusan yang cemerlang setiap tahun.

Tambahnya, Awang Haji Ali @ Haji Mustapha juga memiliki ciri-ciri kepimpinan yang dinamik dan mengamalkan budaya hormat - menghormati, sentiasa menerima teguran dan buah fikiran yang positif dalam kalangan guru-guru, kakitangan dan murid-murid.

Sementara itu, Awang Haji Ali @ Haji Mustapha dalam ucapannya menyarankan agar para guru akan sentiasa rajin berusaha, bekerjasama dan dedikasi dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan dalam mendidik murid-murid dengan jujur dan amanah.

Kesungguhan dan ketekunan cikgu-cikgu dalam mendidik murid-murid tambahnya, akan dapat melahirkan murid-murid yang berjaya.



SESI bergambar pada Majlis Perpisahan / Persaraan Awang Haji Ali @ Haji Mustapha bin Haji Talib yang diadakan di Jeruton Lounge, Kampung Jerudong.

Hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis berkenaan ialah Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Mustapha bin Haji Masri; Timbalan Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Yahya bin Haji Mirasan; Guru Besar,

guru-guru dan kakitangan Sekolah PGGMB, Kampung Sungai Akar.

Majlis juga dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Doa Selamat diikuti dengan ucapan daripada guru-guru sekolah sebagai tanda penghargaan

kepada mantan Guru Besar dan penyampaian cenderamata.

Semoga persaraan Awang Haji Ali @ Haji Mustapha akan sentiasa dalam rahmat dan lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

سوروهنجای فرخدمتین عوام
SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja.



PANDUAN HUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kaktiran kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



دعاء ممohen كقد الله سقایي ترسلامة درقد بلاء دان سکل جنیس فیاکیت

**DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA
DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝ .

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنَاهُ وَبِاللَّهِ
أَحْتَسَنَاهُ وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَاهُ بِذِي الْعَزَّةِ وَاجْبَرُوهُ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّغْيَانَ وَالظَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

**TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT
DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، الْحَمْدُ لَأَنْتَ حُمْدٌ
سِنَةٌ وَلَا نُوْمٌ لَمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُمْ
إِلَّا إِذْنُكَ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْوِي
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna.

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَسْخَلُ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِخُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَخُسْنُ الْحَوَائِجِ، وَيُسْتَسْقَى
الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى أَلْهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدِّ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْمَلُوا كَبَرًا وَنَتوَعْنُ سَاعَتَ بَسْرَ كَفْدُ قَعْمَلَنْ (تَولُقَ بلاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حُولَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسِبْنَا اللَّهَ وَنَعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


suruhanjaya kerja awam
 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
 WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

 MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN
PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan iklan akan ditolak.

 1 Lengkапkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2 Lengkapan Kelulusan (Ijazah / pengalaman / kelebihan khas)

3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (PDF) yang termasuk

4 Tandaan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5 Lengkapan Maklumat (Barisan kerja / Pengalaman Perkhidmatan Awam / kelebihan profesional dan bantuan yang diperlukan di dalam skim Aka)

[+673 7371961](https://wa.me/6737371961) query@spa.gov.bn



	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/MAR/06/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	19 APRIL 2025
2.	KERANI SULIT C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) KEMENTERIAN PERTAHANAN 2025/MAR/04/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A) GAJI HARI	19 APRIL 2025
3.	PENTERJEMAH D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI 2025/MAR/07/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	23 APRIL 2025
4.	PEREKA KANAN B.3 (BAHAGIAN II) JABATAN KERJA RAYA 2025/MAR/05/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	38(A)	23 APRIL 2025
5.	TIMBALAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG KANAN B.3 (BAHAGIAN II) PEJABAT PEGUAM NEGARA 2025/APR/01/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	09	38(B)	23 APRIL 2025
6.	KETUA MERINYU HAL EHWAL UGAMA C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN HAL EHWAL SYARIAH 2025/MAR/01/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	38(B) LUAR BIDANG	23 APRIL 2025
7.	PENASIHAT UNDANG-UNDANG B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) PEJABAT PEGUAM NEGARA 2025/APR/03/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	03	7(A)	23 APRIL 2025
8.	PEMERIKSA KAWALAN KEMAJUAN KANAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN KERJA RAYA 2025/MAR/01/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	23 APRIL 2025
9.	ATENDAN KESIHATAN PELABUHAN F.2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) KEMENTERIAN KESIHATAN 2025/MAR/06/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	04	7(A)	23 APRIL 2025

PERINGATAN:
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MAGUK KE PROFIL PSCR 2.0. KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIRILAKUKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEH DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



Sebut Harga Bagi
Membekal, Memasang,
Menguji Dan Menguruskan
5 Unit
'Speed Monitoring Devices'
Bagi Majlis Kebangsaan
Keselamatan
Jalan Raya, Kementerian
Pengangkutan Dan
Infokomunikasi


 Rujukan Sebut Harga:
 TSD / MTIC / 2025/01

 Tarikh Tutup:
 Rabu,
 16 April 2025.

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**
Tambahan Syarat Kelas

 Dibuka kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
22 April 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
6 Mei 2025 (Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam:
2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 008 / 2025

Nama Projek:
Pembekalan dan Pemasangan Komponen Pam Kontrol dan Pam Submersible Di Stesen Pam Saliran Panaga (PS2)

No. Projek:
2025ADKB/2106/002-003-001

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
Bilangan Sebut Harga:
MOFE / Q / 2025 - 2

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Pembuangan Sampah Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive Bagi Tempoh 36 Bulan

Yuran Tawaran / Dokumen:
Percuma

Tarikh Tutup:
Sabtu,
26 April 2025.

Bilangan Tawaran:
MOFE / UPAH / T / 2025 - 1

Tajuk Tawaran:
Term Contract (36 Months) Janitorial Cleaning / Housekeeping Works For Ministry Of Finance And Economy, Brunei Darussalam

Yuran Tawaran / Dokumen:
BND100.00 bagi Yuran Tawaran dan BND5.00 bagi Yuran e-dokumen (Jika pihak penender memerlukan)

Tarikh Tutup:
Selasa, 29 April 2025.

 Dibuka kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III sahaja

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM004 / 2025

Bil. Projek:
2025DBSBM/MOD.01

Nama Projek:
Projek Pengubahsuaian Flat Perumahan Kerajaan F8, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas (JKR NO.1465) (Retender)

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
29 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 Mei 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2025 – 2026 / 01

 JKP / LTK / 2025 – 2026 / 01:
Logistics & Coordination Services For Brunei Darussalam's Participation In International Exhibitions:

1. ITB CHINA - Shanghai World Expo Exhibition & Convention Centre, Shanghai, 27th – 29th May 2025

2. SEOUL INTERNATIONAL TRAVEL FAIR - COEX C Hall, Seoul, Korea, 05th – 08th June 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 22 April 2025.
Jam 2.00 Petang.




Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024-2025 / 45

Tajuk Tawaran:
Membekal, Menghantar dan Memasang Mobile Compactor Filing System Di Jabatan Kemajuan Pelancongan

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 10 April 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
KK / 87 / 2025 / UPP

Keterangan:
The Operation Of Staff Canteen Service At B2 Women And Children Centre Of Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
15 April 2025.
Tidak lewat
Jam 12.00 Tengah Hari.



Bilangan Tawaran:
JBT / S / 01 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Kekosongan Ruang-Ruang Gerai Makan Di Bangunan Milik Jabatan Bandaran Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
7 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0054 / 2024 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Pemasangan Alat Pendingin Hawa Di Dewan Serbaguna Blok E, Jabatan Perikanan

Tarikh Tutup:
Khamis,
24 April 2025.

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0051 / 2024 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Replace, Supply And Install 150a Electrical Sea Water Intake Pump Control Panel And 400a MSB Panel At Keramut Sea Water Intake Pump Station

Tarikh Tutup:
Khamis, 24 April 2025.



Bilangan Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 1.2025 Data Analytics-As-A-Service (DAAAS), Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)

Tarikh Tutup:
Selasa, 6 Mei 2025.



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Tawaran:
JPB / MYCE / SH / 2543 / 2025 - 2026

Membekal Cenderahati Bagi Acara Brunei Darussalam Expedition and Conference on Forest to Reef bersempena Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 8 Mei 2025
2.00 Petang

Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):
BND10.00

Borang Tawaran:
BND5.00

Yuran Tawaran:
- BND5.00
-Tidak Dikembalikan-



Sebut Harga:
JPB / SH / 2542 / 2024 - 2025 Media Coverage (Photo & Video) And Video Production For Expedition & Conference, Brunei Mid Year Conference & Exhibition 2025 (MYCE 2025)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 8 Mei 2025.
2.00 Petang.

Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00
-Tidak Dikembalikan-



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.**

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمترین كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebijik
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg




1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebijik ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok


[hpcbrunei](#)

[Health Promotion Centre](#)

[Talian Darussalam 123](#)

ANAK YATIM, ASNAF SERTA IBU TUNGGAL TERIMA SUMBANGAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

TELANAI, Jumaat, 11 April. - Seramai 40 anak yatim dan 30 asraf serta ibu tunggal menerima sumbangan dari D'Sunlit Sdn. Bhd., Syarikat Chop Khong Lin dan beberapa orang persendirian yang dianjurkan oleh Projek Bina Bakti, Kumpulan Prihatin dan Projek Impian Cahaya Iman sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama golongan tertentu bertempat di sebuah kafe di Telanai.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah Sepakat Energy Services Sdn. Bhd., Dayang Hajah Noradzlianayati binti Haji Abdul Radzak.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Ade Sabilin bin Abdurrahman dan diteruskan dengan ucapan daripada wakil Pengerusi Bersama, Dayang Hajah Zainab binti Haji Ali yang mewakili Projek Bina Bakti, Kumpulan Prihatin dan Projek Impian Cahaya Iman.

Majlis diteruskan dengan penyerahan sumbangan wakaf

Al-Quran kepada 15 penerima, manakala 30 penerima menerima sumbangan beras yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara berkenaan disusuli dengan pengagihan sampul raya kepada golongan tertentu yang disampaikan oleh Pengerusi Bersama, Dayang Fatimah binti Haji Jamil; Penasihat Khas Projek Bina Bakti, Dayang Hajah Zainab

binti Haji Ali (Kumpulan Prihatin); Dayang Hajah Faridah binti Haji Taufik serta ahli-ahli dan orang persendirian.

Acara diserikan lagi dengan persembahan daripada artis jemputan.

Turut hadir ialah Pengerusi 2, Projek Bina Bakti, Awang Muhammad Amirul Aqil bin Abdullah Ang; Awang Abdul Hafiz bin Hassan, iaitu wakil dari syarikat Chop Khong Lin; Pengerusi, Awang Faizul bin Yahya, dan ahli-ahli kumpulan.



TETAMU kehormat semasa menyerahkan sumbangan wakaf Al-Quran kepada salah seorang penerima.



JAGA KESIHATAN DENGAN MENGAMALKAN CARA HIDUP YANG SIHAT:



Bersenam sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari.



Mengamalkan minum air putih sekurang-kurangnya 8 gelas setiap hari.



Mengamalkan permakanan yang sihat.



Pengambilan makanan secara sederhana iaitu makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang.



Tidur yang cukup.

PUISI

AIDIL FITRI BULAN SYAWAL

Tadbir bergema Allahu Akbar,
Syapen ditulis baru selambar,
Aidil Fitri membawa khabar,
Bulan kemenangan penuh iktibar.

Sudah terlaksana Ramadan yang fardu,
Tadbir bergema terasa syahdu,
Ziarahi keluarga pengubat rindu,
Hilang segala perasaan sendu.

Takbir bergema tanda lebaran,
Terjalin kasih eratkan kemesraan,
Ziarah saudara dan juga jiran,
Pangkat dan harta bukan ukuran.

Bila tiba Aidil Fitri,
Wajah riang berseri-seri,
Berkumpul semua sanak saudari,
Kukuhkan silaturahmi di sanubari.

Memohon kemaafan kata indah,
Sambil bersalaman tangan ditadah,
Rapatkan silaturahim eratkan mawaddah,
Terjalin persaudaraan tiada bersudah.

Lebaran tiba banyak yang gembira,
Ada juga yang hidup sengsara,
Hulurkan bantuan sesama saudara
Kepada yang pergi ziarahi pusara.

Di malam hari pasang pelita,
Hanya di desa bukan di kota,
Saat lebaran eratkan bersengketa,
Hulurkan tangan kemaafan dipinta.

Sekarang pelita diganti lampu,
Makan bertangan sekarang bergarpu,
Belanja sekadar yang *kitani* mampu,
Juadah jangan semua mau disapu.

Adi beradi *kitani* berkumpul,
Kanak-kanak diujuki sampul,
Eratkan persaudaraan bagi disimpul,
Jauhi *bekarət* menjadi tumpul.

Pergi ke masjid memakai jubah,
Selesai bersebahyang dendarkan khutbah,
Terjalin kasih penuh mahabbah,
Kemesraan erat ikhwan bertambah.

Di pagi raya banyak dihidang,
Ada ketupat, sate dan rendang,
Bila merancang hendak bertandang,
Elakkan semasa azan berkumandang.

Raikan raya secara sederhana,
Membazir belanja tiada berguna,
Biar raya lebih bermakna,
Di hari mendatang tiada merana.

Sambutlah raya apa yang terupaya,
Jangan mudah *kitani* terpedaya,
Elakkan dari banyak bergaya,
Membazir itu bukan budaya.

Di malam raya sekeluarga berhimpun,
Kitani bedangsanan satu rumpun,
Sama-sama saling mengampun,
Walau kesalahan sedikit manapun.

Di pagi raya banyak yang datang,
Tidak putus sampai ke petang,
Elakkan dari meminjam berhutang,
Ingatlah hari akan mendatang.
Bila tiba musim raya,
Banyak kemalangan di jalan raya,
Berhati-hati *ubaya-ubaya*,
Memandu laju sangat bahaya.

Sampai di sini disampaikan nota,
Perihal raya yang banyak cerita,
Syapen ditulis hiburan semata,
Beraafan keampunan juga diminta.

Nadi©
Isnin
Syawal ke-8 Hijrah 1446,
April ke-7 Masihi 2025

PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANTU LANCARKAN SESUATU MAJLIS

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Rabu, 9 April. – Kemeriahan Hari Raya masih lagi dirasai dan disambut meriah dengan adanya pengendalian rumah terbuka bagi menjemput sanak saudara, rakan sekerja, jiran dan sebagainya untuk sama-sama meraikan Hari Raya Aidilfitri.

Tuan rumah yang mengendalikan rumah terbuka setentunya sibuk menyediakan pelbagai hidangan istimewa dan menarik seperti kuih raya dan masakan beraneka jenis serta minuman. Bukan itu sahaja, penggunaan barang - barang flatware seperti pinggan mangkuk, sudu, garpu dan gelas dan sebagainya juga amat diperlukan.

Apabila barang - barang berkenaan telah digunakan oleh para tetamu, barang berkenaan harus dicuci terlebih dahulu untuk penggunaan seterusnya. Walaupun mencuci kelihatan mudah dibuat, akan tetapi jika

penggunaan barang - barang berkenaan dalam kuantiti yang banyak dan bertimbun sudah setentunya akan memerlukan kerja yang banyak sehingga boleh menyebabkan keletihan dan tidak cukup tangan serta akan menyukarkan para tetamu untuk menjamu selera.

Berkaitan dengan ini, bagi membantu memudahkan untuk penggunaan barang - barang berkenaan, adalah amat diperlukan orang yang membersihkan kerja-kerja berkenaan (mencuci) dan memerlukan lebih daripada seorang untuk mengerjakannya.

Semasa membuat tinjauan di salah sebuah tempat awam, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Dayang Farhanah binti Awang Pendi dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang mengenai pandangan beliau bagi penyediaan perkhidmatan mencuci pinggan

GAMBAR hiasan.. penyediaan perkhidmatan mencuci pinggan mangkuk, sudu dan sebagainya boleh membantu melancarkan majlis di samping menjimatkan masa mereka bagi melayan tetamu seterusnya.

mangkuk, sudu dan lain-lain lagi untuk Majlis Rumah Terbuka.

Menurut Dayang Farhanah, dalam mengendalikan sesuatu Majlis Rumah Terbuka, penyediaan perkhidmatan mencuci pinggan mangkuk, sudu dan sebagainya amat diperlukan bagi membantu tuan rumah atau ahli keluarga di dapur mencuci dengan cepat dan mudah. Selain itu, ia boleh membantu melancarkan majlis di samping menjimatkan masa mereka bagi melayan tetamu seterusnya.

Beliau seterusnya menambah,



jika tidak ada penyediaan perkhidmatan seperti berkenaan, mungkin tuan rumah boleh mencuba alternatif lain seperti membeli pinggan mangkuk, sudu dan garpu jenis pakai buang.

Usaha dipertingkatkan mencegah, mengawal obesiti



Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 April. - Persekutuan Obesiti Dunia 2024 telah melaporkan bahawa sekitar 3 bilion orang mempunyai berat badan berlebihan (*overweight*) atau obes, termasuk 1 bilion dengan obesiti. Jumlah ini dianggarkan meningkat sebanyak 100 peratus antara tahun 2020 dan 2035.

Pada tahun ini, Hari Obesiti Sedunia yang diraikan setiap 4 Mac di Negara Brunei Darussalam (NBD), membawakan tema 'Transformasi Sistem Ke Arah Kehidupan Lebih Sihat' di mana tema ini menekankan kepentingan peranan pelbagai sistem negara dalam memperkuatkuh usaha pencegahan dan kawalan obesiti demi kesejahteraan masyarakat.

Kadar obesiti di NBD menunjukkan sekitar 62.8 peratus adalah terdiri dalam kalangan dewasa dan sekitar 18.1 peratus adalah terdiri dalam kalangan remaja iaitu individu yang berumur 13 tahun hingga 17 tahun.

pada tahun 2014 meningkat kepada 18.1 peratus pada tahun 2019 (individu yang berumur 13 hingga 17 tahun).

Obesiti menyumbang kepada 12 peratus kematian penyakit tidak berjangkit di seluruh dunia dan merupakan isu kesihatan awam utama yang mempengaruhi kesihatan, produktiviti dan kestabilan ekonomi.

Seperti yang sedia maklum, antara punca obesiti berlaku ialah tabiat pemakanan yang tidak sihat, gaya hidup sedentari, stres dan gangguan tidur. Obesiti dipengaruhi oleh tindakan individu serta faktor keluarga, sosial dan persekitaran.

Sistem kesihatan khususnya memainkan peranan penting dalam membentuk gaya hidup dan kesihatan seseorang, bersama-sama dengan sistem pemakanan dan fizikal yang memberikan kesan kepada kehidupan sehari-hari.

Justeru, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah untuk mempercepatkan usaha menangani obesiti termasuk menubuhkan petugas obesiti pada

ZUMBA adalah salah satu aktiviti fizikal yang boleh dilakukan beramai-ramai agar kita terus aktif, cergas dan sihat.

tahun 2024 untuk mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan bagi pencegahan dan kawalan obesiti.

Seterusnya, memberikan khidmat nasihat obesiti dan kaunseling pemakanan di Pusat Kesihatan dan hospital kerajaan termasuk perkhidmatan Klinik Obesiti di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha melalui rujukan.

Memperkuuh kerjasama pelbagai sektor di bawah BruMAP-NCD 2021-2025 untuk mempromosikan pemakanan yang lebih sihat dan aktiviti fizikal serta mempromosikan dan menyokong amalan penyuasan susu ibu serta pemakanan sihat untuk kanak-kanak.

Kemudian, mengukuhkan dasar pemakanan, termasuk Kod Pemasaran Mesra Kanak-kanak dan Cukai Minuman Bergula dan melaksanakan kempen media dan aktiviti kesihatan untuk meningkatkan kesedaran tentang obesiti di sekolah, pusat jagaan kanak-kanak dan komuniti.

Sehubungan itu, Pakar Perubatan Sukan dan Senaman melakukan inisiatif dengan mengadakan Program Cara Hidup Sihat di mana program ini membawakan objektif untuk mengurangkan berat badan peserta sebanyak 5 hingga 10 peratus dalam masa 3 ke 6 bulan (1-2 kilogram / bulan) dan menilai perubahan dalam lilitan pinggang, lemak badan, paras gula darah, lipid, asid urik dan tekanan darah.

Pendaftaran bagi Program Cara Hidup Sihat ini akan dibuka tidak lama lagi dan butiran lanjut mengenainya boleh melayari laman sesawang <https://whp.gov.bn> atau ikuti media sosial di Instagram, @wah_heal.

Pelbagai barang tegahan berjaya dirampas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Rabu, 9 April. – Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini menerima satu maklumat mengenai sebuah kenderaan membawa barang tegahan di kawasan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Rondaan telah dijalankan di kawasan berkenaan dan pihak polis mendapati sebuah kereta jenis sedan yang mencurigakan, lalu aksi kejar-mengejar berlaku sepanjang jambatan berkenaan yang kemudian ditemui berhenti di tengah-tengah jalan, kawasan Perumahan Tanah Jambu.

Pemandu dan penumpang bertindak melarikan diri serta meninggalkan kenderaan berkenaan.

Pemeriksaan telah dilakukan ke atas kenderaan berkenaan dan beberapa kotak bunga api dan rokok elektronik (*vape*) pelbagai jenis ditemukan, yang merupakan barang tegahan di negara ini.

Barang-barang tegahan berkenaan dirampas dan diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk tindakan selanjutnya.

PPDB ingin memperingatkan kepada orang ramai bahawa adalah menjadi satu kesalahan memiliki dan membawa masuk barang tegahan seperti bunga api dan rokok elektronik di bawah Akta Kastam.

Jika mempunyai maklumat mengenai sebarang kegiatan penyeludupan, adalah disarankan untuk menyalurkan ke balai polis berdekatan atau melalui Talian Kecemasan Polis 993.



BARANG-barang tegahan yang telah berjaya dirampas dan diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED).

UBD TERIMA BABSON COLLABORATIVE SPOTLIGHT AWARD 2025



PENOLONG Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan) Universiti Brunei Darussalam (UBD) semasa sesi bergambar ramai bersama delegasi dari UBD.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

PERANCIS, Jumaat, 11 April. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini dianugerahkan Babson Collaborative Spotlight Award 2025 semasa Sidang Kemuncak Global Kolaboratif Babson, yang diadakan di Ecole des Dirigeants et des Createurs d'entreprise (EDC) Paris Business School, Perancis.

Anugerah yang disampaikan oleh Babson College, Amerika Syarikat, yang mengiktiraf inisiatif cemerlang dalam program pendidikan keusahawanan di seluruh rangkaian kolaboratif global.

Persidangan tahun ini membawa tema 'The Power of Global Entrepreneurship Education: Cultivating Innovation through Collaboration', menghimpunkan 78 delegasi daripada 48 institusi pengajian tinggi di 31 negara, mewakili pertukaran dinamik perspektif global dalam pedagogi keusahawanan.

Sidang Kemuncak Global Babson Collaborative 2025 ialah perhimpunan tahunan, untuk ahli meneroka cara pendidikan keusahawanan global yang boleh memberi inspirasi kepada

perubahan bermakna melalui metodologi pengajaran yang inovatif, penyelidikan yang memberi kesan dan perkongsian strategik. Para hadirin bertukar-tukar amalan terbaik kurikulum dan kokurikulum, mendapatkan pandangan tentang sekolah tuan rumah dan ekosistem keusahawanan tempatan, memajukan kepimpinan pemikiran dalam bidang tersebut, dan terlibat dalam perbincangan tidak formal mengenai kemungkinan masa depan.

Anugerah Spotlight merupakan acara kemuncak utama sidang itu, dan pengiktirafan UBD menandakan satu peristiwa

penting, bukan sahaja untuk universiti tetapi untuk Negara Brunei Darussalam (NBD), kerana UBD menjadi institusi pertama dari Asia yang menerima penghormatan antarabangsa sedemikian daripada Babson Collaborative.

UBD memperoleh anugerah berdasarkan program 'EntreMasterclass', inisiatif pembangunan keusahawanan dalam kampus yang mengagumkan pasukan kepimpinan kolaboratif untuk inovasi, impak dan potensinya untuk pengantarabangsaan. Sehingga kini, program ini melibatkan 453 kakitangan UBD, mencerminkan penyertaan institusi yang meluas. Maklum balas daripada peserta adalah sangat positif, dengan purata skor puji melebihi 80 peratus. Kepimpinan Kolaboratif Babson memuji program tersebut sebagai salah satu program yang menarik dan memberi inspirasi kepada institusi ahli lain, dengan potensi yang kuat untuk disesuaikan atau direplikasi di peringkat antarabangsa.

Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), UBD, Dr. Masairol bin Haji Masri, menerima anugerah itu di Paris bagi pihak universiti. Beliau diiringi delegasi dari UBD terdiri daripada Timbalan Pengarah Pembangunan Perusahaan, Dr. Annie Dayani binti Abdullah; Timbalan Dekan Penglibatan dan Perkongsian, Dr. Thuraya Farhana binti Haji Said; dan Dr. Siti Norwahida binti Shukeri daripada Jawatankuasa Pasukan Pengurusan Keusahawanan UBD.

"Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan kami untuk memupuk minda keusahawanan di

kampus dan seterusnya," kata Dr. Masairol. "EntreMasterclass sejajar rapat dengan Rangka Tindakan Keusahawanan UBD, yang bertujuan untuk membina ekosistem keusahawanan holistik yang merangkumi pelajar, penyelidik, pendidik, pentadbir dan pemimpin."

Edisi 2025 anugerah itu amat kompetitif di kalangan institusi ahli global. Namun, 'EntreMasterclass' UBD menonjol, kerana pedagoginya yang berkesan, sinergi institusi yang kukuh dan perkaitan serantau, meletakkannya sebagai penanda aras untuk pendidikan keusahawanan di rantau ini.

Pencapaian ini mengukuhkan lagi visi UBD untuk menjadi juara dalam pendidikan keusahawanan, mempamerkan komitmen NBD terhadap inovasi, kerjasama dan impak global.

UBD diterima sebagai ahli Babson Collaborative for Entrepreneurship Education pada tahun 2022. Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Brunei Darussalam (UBD SBE) berfungsi sebagai fakulti tumpuan untuk kerjasama itu, yang bertujuan untuk mengembangkan keupayaan dan kapasiti pendidikan keusahawannya di universiti. Sebagai ahli, UBD disediakan alat dan sumber pendidikan keusahawanan terkemuka untuk membantu memajukan kaedah pengajaran, penyelidikan dan keupayaan perundingan. Kemasukan ke dalam ekosistem keusahawanan yang kaya, keahlian menghubungkan fakulti dengan institusi pengajian tinggi lain, sekolah perniagaan dan kejuruteraan, sekolah seni liberal dan kolej komuniti dari seluruh dunia. UBD adalah antara 42 ahli semasa dari 26 negara.

Program Khidmat Akademik beri peluang masyarakat timba ilmu

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 11 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat akan mengadakan Program Khidmat Akademik secara percuma kepada orang ramai yang membawakan tajuk 'Waqaf Kesihatan dan Akses Perkhidmatan Perubatan: Sumbangan Terhadap SDG 3'.

Program Khidmat Akademik itu akan diadakan pada Sabtu, 26 April 2025 bermula pada pukul 9.30 pagi hingga 11.00 pagi iaitu selama 1 jam 30 minit secara dalam talian iaitu dengan menggunakan platform Zoom Meeting (ID: 942 9994 dan kata kunci ialah: UNISSA).

Program Khidmat Akademik yang membawakan tajuk 'Waqaf Kesihatan dan Akses Perkhidmatan Perubatan: Sumbangan Terhadap SDG 3' ini akan disampaikan oleh Ketua Program Lepas Ijazah, Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, UNISSA, Dr. Cecep Soleh Kurniawan.

Adapun tujuan program ini diadakan untuk memberi peluang kepada masyarakat awam memperoleh ilmu pengetahuan terhadap bidang ilmu yang disampaikan. Selain itu, tenaga akademik UNISSA juga dapat menjalankan tanggungjawab sosial di samping beroleh pengalaman menerusi khidmat akademik yang disampaikan.

Justeru, program ini diharap dapat menjadikan UNISSA dikenali sebagai sebuah universiti Islam yang menawarkan pelbagai program yang boleh disertai oleh masyarakat awam.

Pihak UNISSA sukacita mengalu-alukan penyertaan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan, serta orang ramai untuk mengikuti program ini.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai program ini, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA di talian WhatsApp, +673 8254374 atau e-mel C4L@unissa.edu.bn.



HARI SABTU | 26 APRIL 2025M | 9:30 PAGI - 11:00 PAGI

WAQAF KESIHATAN DAN AKSES PERKHIDMATAN PERUBATAN: SUMBANGAN TERHADAP SDG 3



ZOOM Meeting ID:

942 9994 7741

PASSWORD:

UNISSA



DR CECEP SOLEH KURNIAWAN
KETUA PROGRAM LEPAS IJAZAH
PUTUS PENYELIDIKAN MAZHAB SYAFI'I
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI



BERSEDIA SUDAH UNTUK PERSARAAN BISKITA?

Tahukah biskita?

Ramai yang bersara **TANPA** perancangan kewangan yang betul, menyebabkan:

- Simpanan tidak mencukupi.
- Bergantung kepada orang lain.
- Hidup dalam tekanan kewangan.

**Jangan risau,
merancang kewangan menjadi mudah dengan
pengamal perancang kewangan bersijil TAP^{CERT}
yang boleh:**



Mengongsikan maklumat SPK dan nasihat kewangan yang boleh dipercayai.



Membantu biskita membuat keputusan terbaik bagi persediaan persaraan biskita.



Memberikan perancangan untuk persaraan biskita dengan mengambil kira keperluan dan peredaran semasa.

Kenapa TAP^{CERT} Diperkenalkan?



TAP ingin memastikan pengamal kewangan, berkelayakan memberikan nasihat perancangan kewangan dalam konteks SPK kepada biskita.

TAP^{CERT} diberikan kepada pengamal kewangan yang menyertai Program Pensijilan Perancangan Persaraan (RPCP), dengan objektif melahirkan individu yang dapat memberikan sumber maklumat SPK dan nasihat perancangan kewangan yang tepat & sahih.

272 2929

retirement.advisory@tap.com.bn

www.tap.com.bn

Untuk mendapatkan sesi dengan pengamal perancang kewangan atau senarai pakar yang diiktiraf TAP^{CERT}, sila imbas kod QR.



Program Pensijilan Perancangan Persaraan (RPCP) memperkasa perancangan persaraan di Negara Brunei Darussalam

Oleh : Tabung Amanah Pekerja dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Infografik : Tabung Amanah Pekerja

Pengenalan

PROGRAM Pensijilan Perancangan Persaraan atau Retirement Planning Certification Programme (RPCP) merupakan salah satu strategi Tabung Amanah Pekerja (TAP) bagi menaiktarafkan lagi pembangunan maklumat berkaitan perancangan persaraan di negara ini, dengan mengaitkan kepada skim persaraan yang sedia ada iaitu Skim Persaraan Kebangsaan (SPK).

Program pensijilan ini adalah asas dalam membantu merealisasikan dasar-dasar pihak kerajaan untuk memastikan setiap pembangunan maklumat skim persaraan ini disampaikan oleh individu-individu yang telah diiktiraf melalui pensijilan profesional, bagi mewujudkan keyakinan orang ramai untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan boleh dipercayai di dalam hal ehwal perancangan persaraan.

Sasaran program

RPCP ini disasarkan kepada golongan profesional dalam industri kewangan, termasuk pengamal-pengamal perancangan kewangan dan persaraan, serta pegawai institusi kewangan tempatan yang terlibat secara langsung dalam penyediaan khidmat nasihat kewangan kepada orang ramai. Semasa program ini dijalankan, setiap peserta akan diberikan latihan serta pendedahan menyeluruh mengenai dengan SPK bagi membolehkan pengamal perancang kewangan mahir memberikan konsultasi perancangan persaraan di dalam konteks SPK.

Jadual program, pendaftaran

Program pensijilan ini direncanakan untuk diadakan sebanyak tiga sesi pada tahun 2025. Sesi pertama program ini telah pun

berlangsung selama empat hari, bermula dari 21 Januari 2025 hingga 24 Januari 2025, dengan penyertaan seramai 25 pengamal perancang kewangan daripada syarikat insurans swasta seperti AIA dan GoodLife Financial Planning Sdn. Bhd. Sesi kedua akan diadakan pada bulan Mei 2025. Pendaftaran bagi sesi kedua ini akan dibuka pada bulan April 2025 dan akan dimaklumkan melalui platform rasmi digital TAP iaitu laman sesawang di www.tap.com.bn dan saluran akaun sosial media rasmi TAP iaitu @TAP_Brunei bagi akaun Instagram ataupun @Tabung Amanah Pekerja (TAP) bagi akaun rasmi Facebook.

Sesi tambahan akan dipertimbangkan dari semasa ke semasa mengikut sambutan dalam menyertai program ini.

Manfaat program kepada orang ramai

Dengan adanya program ini, proses

perancangan kewangan dan persaraan akan menjadi lebih tersusun, telus, dan profesional, di mana maklumat yang diberikan oleh pengamal kewangan yang telah diiktiraf di bawah program ini adalah tepat dan berpandukan kepada garis panduan TAP. Orang ramai yang ingin mendapatkan nasihat perancangan kewangan dan persaraan boleh merujuk kepada senarai pengamal perancang kewangan yang telah diiktiraf melalui laman sesawang TAP di www.tap.com.bn.

Kesimpulan

Dengan program ini, pengamal perancang kewangan boleh membantu orang ramai bersedia merancang untuk persaraan mereka melalui perkongsian maklumat yang tepat dan terkini, secara profesional demi memastikan keyakinan serta kepercayaan orang ramai.

SALAM LEBARAN DARI SEKTOR SWASTA

SEKTOR swasta merupakan salah satu sektor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan secara tidak langsung berganding bahu dengan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama memajukan bumi Darussalam yang kita kasih. Dalam meraikan Aidilfitri yang mulia ini, Pelita Brunei

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim memberikan kesempatan kepada beberapa sektor swasta untuk menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya.



Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd.

KAMI dari Pihak Pengurusan serta kakitangan Jerudong Park Country Club Sendirian Berhad ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Semoga Syawal ini dipenuhi dengan keberkatan, kegembiraan bersama keluarga tersayang, dan kejayaan yang berpanjangan.

Kabin Krew RB

GEMA takbir memuji Ilahi, petanda bermula Aidilfitri. Bertugas di hari perayaan bukanlah halangan untuk menikmati kemeriahan suasana menyambut hari kemenangan Hari Raya Aidilfitri bersama rakan kerja dan para pelanggan yang kami hormati. Semoga segala amal dan doa kita sepanjang bulan Ramadan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Saya, Pengiran Mohd. Ramadan bin Pengiran Haji Abdul Momin mewakili kakitangan kabin Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua pelanggan RB dan rakyat Brunei umumnya.



Pelantar Maharaja Lela Jamalulalam (MLJ)

PADA kesempatan bulan yang mulia ini, saya, Mohd. Khairil Azizi dan bersama rakan-rakan sekerja di pelantar ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua yang mengenali kami atas salah dan silap, terkasar bahasa, terlepas kata-kata yang mengguris hati. Mudah-mudahan bulan kemenangan ini akan menjadikan kita insan yang memaafkan.

Semoga ikatan ukhuwah kekal erat terjalin. InsyaaAllah.

Salam Aidilfitri dan Maaf Zahir Batin
#RayaDahTiba, KamiTetapBekerja.



Wafa Hotel & Apartment

KAMI ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua pelanggan setia kami, rakan niaga, para pekerja yang berdedikasi, serta seluruh rakyat Brunei. Semoga Aidilfitri ini membawa kebahagiaan, kedamaian, dan keceriaan kepada semua. Kami menghargai sokongan awda yang tidak berbelah bahagi dan berharap dapat terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada awda semua. Moga kita semua sentiasa di bawah lindungan dan rahmat-Nya. Salam Aidilfitri dari kami di Wafa Hotel & Apartment.



BIACC Sdn. Bhd.

ALLAHU Akbar ... Allahu Akbar ... Allahu Akbar ... Allahu Akbar Walillahil Hamd. Mewakili rakan sekerja dari Brunei International Air Cargo Centre (BIACC) Sendirian Berhad, kami ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada rakan sekerja dan sahabat handai semua. Semoga bulan kemenangan umat Islam ini akan meningkatkan lagi motivasi kita dalam mananai tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita. Salam Syawal untuk semua.





CHINA SEDIA MANTAPKAN PERDAGANGAN DENGAN ASEAN

BEIJING, 10 April. - Menteri Perdagangan China, Wang Wentao mengadakan perbincangan secara maya dengan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada Rabu.

Kedua-dua pihak bertukar-tukar pandangan secara mendalam mengenai kerjasama perdagangan

China-Malaysia serta China-ASEAN, tarif timbal balik Amerika Syarikat (AS) dan sebagainya.

Wang berkata tindakan AS melaksanakan tarif timbal balik merupakan amalan buli sepihak yang tipikal.

Ia bukan sahaja merosakkan kepentingan AS sendiri, tetapi juga mengancam pembangunan ekonomi

serta kestabilan rantaian perindustrian dan bekalan global selain menjelaskan sistem perdagangan antarabangsa.

Beliau menyatakan kesediaan China untuk memperkuuh komunikasi dan koordinasi dengan semua rakan dagang termasuk ASEAN, menangani keimbangan masing-masing menerusi dialog dan

perundingan secara sama rata, serta mempertahankan sistem perdagangan multilateral.

Sementara itu, Tengku Zafrul berkata pihaknya bersedia bersama dengan China untuk menyokong

militarisme serta pembangunan perdagangan global.

Menurut beliau Malaysia akan berbincang dengan negara ASEAN lain berhubung isu tarif AS. - ©BERNAMA

Angka korban akibat bumbung kelab malam runtuh meningkat kepada 184

PANAMA CITY, 10 April. - Angka korban akibat bumbung di sebuah kelab malam runtuh di Santo Domingo, Republik Dominika meningkat kepada 184 orang setakat Rabu, lapor Xinhua memetik pihak berkuasa negara itu.

Usaha mencari dan menyelamat masih giat dijalankan, namun tiada mangsa baharu ditemukan sejak

petang Selasa, kata Pengarah Pusat Operasi Kecemasan, Juan Manuel Mendez.

Antara yang disahkan terkorban termasuk Gabenor wilayah Monte Cristi, Nelsy Milagros Cruz, menurut pihak berkuasa tempatan.

Susulan insiden itu, Presiden Republik Dominika, Luis Abinader mengisyiharkan tiga hari berkabung bermula 8 April sebagai

tanda penghormatan kepada mangsa tragedi.

Perkhidmatan kecemasan turut mengaktifkan talian bantuan khas bagi membolehkan ahli keluarga mendapatkan maklumat mengenai mangsa yang cedera mahupun masih hilang.

Siasatan sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian. - ©BERNAMA

Sistem radio rosak antara punca nahas helikopter maut di Australia pada 2023

SYDNEY, 9 April. - Sistem radio yang rosak merupakan antara beberapa faktor yang menyumbang kepada nahas maut membabitkan dua helikopter di utara Australia pada 2023, menurut siasatan rasmi yang didedahkan pada Rabu, lapor Xinhua.

Empat orang terbunuh manakala sembilan lagi cedera apabila dua helikopter pelancongan itu bertembung di udara di Gold Coast, negeri Queensland, Australia pada 2 Jan 2023.

Biro Keselamatan Pengangkutan Australia (ATSB) pada Rabu mengeluarkan laporan akhir setebal 200 muka surat mengenai kejadian itu selepas menjalankan siasatan selama dua tahun, dengan menyorot beberapa isu keselamatan yang menyumbang kepada nahas tersebut.

Kejadian berlaku apabila sebuah helikopter yang dikendalikan Ash Jenkinson sedang berlepas, manakala sebuah lagi helikopter yang dipandu Michael James

sedang bersiap untuk mendarat. Kedua-dua helikopter jenis Eurocopter EC130 itu dikendalikan oleh taman tema Sea World di Gold Coast.

ATSB mendapati sistem radio dalam helikopter yang dinaiki Jenkinson - yang mengorbankan dirinya dan tiga penumpang - mengalami "kecacatan yang mengehadkan jarak transmisi dan menjelaskan kebolehpercayaan komunikasi."

Penyiasat ATSB merusmuskan Jenkinson mungkin telah membuat panggilan radio untuk memberitahu James mengenai pelepasannya, namun panggilan itu gagal diterima akibat kecacatan sistem.

"Tanpa penerimaan panggilan itu, juruterbang helikopter yang sedang menghampiri lokasi pendaratan -yang mungkin sedang memberi tumpuan kepada tapak pendaratannya - tidak menyedari risiko perlenggaran," kata Ketua Pesuruhjaya ATSB, Angus Mitchell dalam satu kenyataan.

ATSB turut mendapati

kegagalan komunikasi radio, keterbatasan jarak penglihatan daripada kedua-dua helikopter serta "keutamaan bersaing" juruterbang menyumbang kepada nahas itu.

Menurut ATSB, pengendali helikopter berkenaan telah membuat beberapa perubahan bagi menambah baik produk pelancongan dalam beberapa bulan sebelum kejadian, termasuk memperkenalkan penggunaan lokasi helipad kedua dan pengenalan helikopter EC130, yang dari semasa ke semasa telah "mengurangkan keberkesanan langkah-langkah kawalan risiko" yang sedia ada.

"Pengajaran paling penting daripada siasatan ini ialah setiap perubahan dalam operasi penerbangan, walaupun bertujuan meningkatkan keselamatan, boleh mendatangkan kesan yang tidak dijangka," kata Mitchell.

James dan lima penumpangnya serta tiga penumpang helikopter Jenkinson mengalami kecederaan dalam nahas itu. - ©BERNAMA

Argentina, IMF capai persetujuan awal pelan penyelamat US\$20 billion

BUENOS AIRES, 9 April. - Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan kerajaan Argentina pada Selasa mencapai persefahaman awal bagi pakej pelan penyelamat bernilai US\$20 billion, lapor agensi berita Jerman dpa.

"Petugas IMF dan pihak berkuasa Argentina telah mencapai persefahaman peringkat petugas mengenai program ekonomi menyeluruh yang boleh disokong menerusi kemudahan pengaturan lanjutan (EFF) selama 48 bulan berjumlah US\$20 billion (SDR 15.267 billion atau 479 peratus daripada kuota)," menurut IMF dalam satu kenyataan ringkas.

Bagaimanapun, persetujuan itu masih tertakluk kepada kelulusan Lembaga Eksekutif IMF yang dijangka menelitiinya 'dalam tempoh beberapa hari akan

datang', menurut kenyataan itu.

Menurut IMF, persetujuan itu dibina atas kejayaan awal pihak berkuasa Argentina dalam menstabilkan ekonomi, disokong oleh asas fiskal yang kukuh, sekali gus membawa kepada penurunan kadar inflasi secara cepat serta pemulihan dalam aktiviti dan penunjuk sosial.

"Program ini menyokong fasa seterusnya agenda penstabilan dan pembaharuan domestik Argentina bagi memperkuuh kestabilan makroekonomi, meningkatkan kemampuan luaran dan membuka ruang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh dan mampan, di samping menguruskan cabaran persekitaran global semasa," kata IMF.

Argentina merupakan penghutang terbesar IMF dan

ketika ini berhutang lebih US\$44 bilion kepada institusi kewangan itu. Pinjaman baharu itu dijangka digunakan untuk membayar faedah kepada IMF dan meningkatkan rizab mata wang bank pusat.

Presiden libertarian berhaluan kanan Argentina, Javier Milei, yang memegang jawatan pada Disember 2023, telah melaksanakan pelbagai pembaharuan radikal. Ribuan penjawat awam diberhentikan dan program sosial dikurangkan secara drastik.

Meskipun langkah penjimatkan itu berjaya menurunkan kadar inflasi dengan ketara, ia turut menjelaskan ekonomi negara dan mencetuskan protes besar-besaran di seluruh negara. Di negara yang dahulunya makmur ini, kini lebih 50 peratus penduduknya hidup di bawah paras kemiskinan. - ©BERNAMA

Bekas Setiausaha Perbendaharaan AS ramal kemelesetan, 2 juta pekerja mungkin dipecat

WASHINGTON, 9 April. - Bekas Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat (AS) Lawrence Summers meramalkan negara itu berdepan kemelesetan ekonomi, dengan kemungkinan dua juta rakyat Amerika kehilangan pekerjaan susulan kenaikan tarif yang sedang dilaksanakan.

Dalam temu bual bersama Bloomberg TV pada Selasa, Summers berkata AS berkemungkinan besar akan mengalami kemelesetan, sekali gus menyaksikan tambahan dua juta individu menganggur, lapor Xinhua.

"Kemungkinan besar kita akan berdepan kemelesetan - dan dalam konteks kemelesetan itu, kita akan melihat tambahan dua juta orang kehilangan pekerjaan," kata Summers dalam rancangan Wall Street Week di Bloomberg Television.

"Kita juga akan menyaksikan kerugian pendapatan isi rumah sekitar US\$5,000 atau lebih bagi setiap keluarga," tambah Summers, yang juga profesor di Universiti Harvard dan penyumbang berbayar di Bloomberg TV.

Summers berpendapat rancangan tarif pentadbiran Trump melebihi dasar tarif pada 1930 yang "menjadikan kemelesetan ketika itu lebih teruk," sambil menyatakan adalah lebih baik untuk menarik balik dasar-dasar yang telah diumumkan itu.

Bagaimanapun, meskipun menerima amaran daripada Summers dan beberapa ahli ekonomi lain, Rumah Putih pada Selasa menyatakan dasar tersebut akan tetap dilaksanakan seperti dirancang.

"Presiden telah ditanya dan menjawab perkara ini semalam. Beliau berkata tidak mempertimbangkan sebarang lanjutan atau penangguhan. Saya bercakap dengan beliau sebelum sidang media ini. Itu bukan pendiriannya. Beliau menjangkakan tarif ini akan tetap dilaksanakan," kata Setiausaha Akhbar Rumah Putih, Karoline Leavitt pada sidang media.

Pada 2 April lepas, Presiden AS Donald Trump menandatangani perintah eksekutif berkaitan tarif 'timbal balik', mengumumkan bahawa AS akan mengenakan 'tarif asas' sebanyak 10 peratus ke atas rakan dagang, selain tarif lebih tinggi terhadap beberapa rakan dagang tertentu - ada yang mencapai lebih 30 peratus dan bahkan 40 peratus.

Tarif asas 10 peratus itu telah berkuat kuasa pada 5 April, manakala tarif lebih tinggi terhadap rakan dagang tertentu dijadual berkuat kuasa pada Rabu, 9 April.

Meskipun Trump berulang kali mendakwa bahawa kenaikan tarif itu akan membantu meningkatkan hasil kerajaan AS, mengurangkan defisit dagangan dan merancakkan semula sektor perkilangan Amerika, ahli ekonomi dan pemimpin perniagaan memberi amaran bahawa langkah tersebut akan meningkatkan harga barang, membebankan pengguna dan perniagaan Amerika, mengganggu perdagangan global serta menjelaskan pertumbuhan ekonomi dunia.

Beberapa rakan dagang AS juga telah mengumumkan langkah balas terhadap tarif itu. - ©BERNAMA

Pengguna Instagram bawah 16 tahun perlu izin ibu bapa untuk siaran langsung

ISTANBUL, 9 April. - Syarikat teknologi berpangkalan di Amerika Syarikat (AS), Meta yang memiliki Facebook dan Instagram mengumumkan bahawa pengguna Instagram berumur bawah 16 tahun tidak lagi dibenarkan menggunakan ciri siaran langsung tanpa kebenaran ibu bapa atau penjaga, lapor Anadolu Ajans (AA).

Meta menyatakan bahawa melalui kemas kini pada ciri Akaun Remaja atau 'Teen Accounts' di Instagram, pengguna bawah 16 tahun juga tidak lagi boleh mematikan fungsi kabur automatik dalam mesej peribadi.

Ciri keselamatan Teen Account sini juga akan diperluaskan ke platform Facebook dan Messenger.

Kemas kini ini akan diuji terlebih dahulu di AS, United Kingdom, Kanada dan Australia dalam beberapa bulan akan datang.

Ciri Teen Accounts pertama kali diperkenalkan pada September lalu bagi mengehadkan penggunaan platform oleh golongan remaja dan meningkatkan langkah-langkah keselamatan.

Langkah itu turut sejarah dengan usaha di banyak negara untuk mengehadkan atau mengharlamkan penggunaan media sosial di bawah usia tertentu, susulan pelbagai kajian yang menunjukkan kesan buruk penggunaan media sosial terhadap perkembangan mental golongan muda. - ©BERNAMA

EKONOMI JERMAN BERKEMBANG PADA 2025



BERLIN, 11 April. - Ekonomi Jerman dijunjukkan berkembang sebanyak 0.1 peratus pada 2025, menurut ramalan bersama yang dikeluarkan pada Khamis oleh badan pemikir ekonomi terkemuka negara itu, menandakan

penurunan mendadak daripada ramalan sebelumnya sebanyak 0.8 peratus yang dikeluarkan pada musim luruh 2024.

Semakan itu dikaitkan dengan halangan yang semakin meningkat daripada tarif Amerika Syarikat

KENDERAAN melepas stesen minyak di Berlin, ibu negara Jerman.

(AS) yang baru dikenakan dan ketidaktentuan dasar domestik yang berterusan. "Ekonomi Jerman kekal dalam krisis," kata laporan itu, menyerlahkan perubahan ketara dalam dasar domestik dan antarabangsa sejak awal tahun ini.

Kebimbangan utama ialah tarif 25 peratus ke atas import kereta yang dikenakan oleh Presiden AS Donald Trump, yang berkuasa pada 3 April. Langkah itu menimbulkan ancaman besar kepada industri automotif Jerman yang bergantung kepada eksport. Pada 2024, ekonomi terbesar Eropah mengeksport kira-kira 3.4 juta kenderaan baharu, dengan AS menyumbang bahagian terbesar - 13.1 peratus.

Laporan itu memberi amaran bahawa dasar tarif AS, terutamanya duti kereta, akan mengurangkan momentum pertumbuhan dengan lebih jelas pada musim panas, mengurangkan KDNK sebanyak 0.1 peratus pada 2025 dan 2026. Ia menambah bahan tarif tambahan yang baru-baru ini diperkenalkan oleh Washington belum lagi diambil kira dalam unjuran dan boleh melambatkan pemuliharaan dengan lebih teruk.

Untuk mengatasi genangan ekonomi dan menangani defisit infrastruktur, Jerman telah meminda undang-undang asasnya untuk membuka jalan kepada pinjaman awam yang lebih tinggi. Dasar fiskal pengembangan yang berhasil dijangka menjadi salah satu daripada beberapa faktor positif untuk menyokong ekonomi, dengan KDNK diramalkan berkembang sebanyak 1.3 peratus pada 2026. Namun, angka itu



adalah 0.8 mata peratusan di bawah ramalan sebelumnya.

Walau bagaimanapun, laporan itu memberi amaran bahawa langkah rangsangan fiskal sahaja tidak akan mencukupi. Jerman bergelut bukan sahaja dengan kelemahan kitaran tetapi juga dengan cabaran struktur yang berakar umbi. Torsten Schmidt, ketua penyelidikan ekonomi di Institut Penyelidikan Ekonomi RWI-Leibniz, salah satu daripada lima institut di sebalik laporan itu, menunjukkan kekurangan tenaga kerja mahir dan halangan birokrasi yang tinggi sebagai isu struktur utama, menekankan keperluan mendesak untuk pembaharuan untuk mengukuhkan potensi pertumbuhan negara. - ©XINHUA

New York kekal bandar terkaya dunia, Dubai catat lonjakan pantas

LONDON, 11 April. - Amerika Syarikat (AS) terus mendominasi senarai 50 bandar terkaya dunia berdasarkan bilangan jutawan, dengan 11 bandar AS termasuk dalam senarai, menurut laporan Wealthiest Cities in the World 2025 yang dipetik Agensi Berita Saudi (SPA).

New York City kekal di kedudukan teratas dunia dengan dihuni lebih 384,000 jutawan, termasuk 818 individu yang memiliki kekayaan melebihi US\$100 juta dan 66 bilionair.

Wilayah San Francisco Bay, termasuk Silicon Valley berada di tempat kedua dengan 342,400 jutawan dan 82 bilionair.

Wilayah itu turut mencatat peningkatan mengagumkan sebanyak 98 peratus dalam jumlah individu berpendapatan tinggi sejak sedekad lalu.

Dubai melonjak pantas dalam kedudukan global, naik dari tangga ke-21 ke tangga ke-18 dalam tempoh setahun.

Bandar raya itu kini

Britain tambah 3,000 anggota polis bagi tangani peningkatan jenayah jalanan

LONDON, 11 April. - Perdana Menteri Britain Keir Starmer pada Khamis mengumumkan bahawa seramai 3,000 anggota polis kejiran dan pegawai sokongan komuniti akan ditempatkan di seluruh negara mulai tahun depan, lapor Xinhua.

Starmer berkata semasa lawatannya ke ibu pejabat Polis Cambridgeshire bahawa kerajaan merancang untuk menempatkan 13,000 anggota polis kejiran baru menjelang 2029 di bawah inisiatif 'Neighbourhood Policing Guarantee', langkah yang bertujuan menamatkan 'budaya jenayah yang sedang menghancurkan komuniti kita'. Inisiatif itu mewakili peningkatan lebih 50 peratus dalam kekuatan polis kejiran.

Butiran yang disiarkan di laman sesawang Downing Street pada Rabu menggariskan ciri utama inisiatif itu, termasuk keperluan untuk setiap kejiran menamakan pegawai yang boleh dihubungi bagi menangani isu tempatan. Pasukan khas juga akan

menjalankan rondaan berkala di pusat bandar dan kawasan panas jenayah pada waktu puncak, selain melantik seorang ketua yang ditugaskan khusus bagi menangani tingkah laku antisosial dalam setiap pasukan polis di England and Wales.

Semasai lawatannya itu, Starmer berkata perkhidmatan polis kejiran kini bertukar menjadi 'loteri poskad' apabila kualiti perkhidmatan bergantung kepada kawasan kediaman seseorang.

"Peratusan orang ramai yang melihat anggota berpakaian seragam di kawasan mereka telah berkurangan sebanyak separuh dalam dekad lalu, dan hasilnya: jenayah meningkat di pusat bandar kita manakala keyakinan orang ramai terhadap kepolisan semakin merosot," katanya.

Inisiatif itu merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan pimpinan Parti Buruh yang lebih meluas dalam menangani peningkatan jenayah jalanan.

Menurut Rang Undang-undang

peratus dalam jumlah jutawan sepanjang dekad lalu, menjadikan jumlah terkini kepada 215,700 individu.

Moscow masih tersenarai namun merosot ke tangga ke-40 berikutnya penurunan 25 peratus dalam jumlah jutawan.

Laporan itu turut meramalkan bahawa bandar seperti Dubai, Abu Dhabi dan New Delhi bakal menyaksikan pertumbuhan melebihi 100 peratus dalam kalangan individu sangat kaya - mereka yang memiliki kekayaan lebih US\$100 juta dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Walaupun tiada bandar dari benua Afrika atau Amerika Tengah tersenarai dalam 50 bandar utama, laporan itu menyenaraikan beberapa bandar pesat membangun di Afrika yang dijangka bakal menggandakan jumlah individu kaya menjelang sedekad akan datang - termasuk Cape Town (34 orang), Marrakech (14) dan Nairobi (10). - ©BERNAMA

Jenayah dan Kepolisian yang kini sedang diteliti Jawatankuasa Rang Undang-undang Awam Parlimen, kerajaan bercadang untuk memansuhkan kekebalan daripada tindakan undang-undang bagi kes kecurian barang bernilai di bawah 200 pound (US\$259.37).

Kerajaan juga merancang untuk memansuhkan keperluan waran bagi menggeledah premis yang disyaki menyimpan barang curi yang telah dikesan melalui geolokasi elektronik - langkah untuk membantu polis membanteras jenayah kecurian telefon yang semakin berleluasa.

Analisis data Pejabat Dalam Negeri daripada Tinjauan Jenayah untuk England and Wales menunjukkan bahawa dianggarkan 78,000 orang, atau lebih 200 orang setiap hari, menjadi mangsa kecurian telefon atau beg dalam tempoh setahun sehingga Mac 2024, lebih dua kali ganda berbanding 31,000 insiden 'ragut' yang direkodkan bagi tempoh sama sehingga Mac 2023. - ©BERNAMA

Turkiye teruskan kerjasama dengan Indonesia berkaitan Gaza, perjuangan Palestin

ISTANBUL, 11 April. - Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan pada Khamis berkata bahawa Ankara akan terus bekerjasama dengan Indonesia dalam usaha membangunkan semula Gaza serta memperjuangkan isu Palestin, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Dalam tempoh akan datang, kami akan meneruskan kerjasama dengan Indonesia untuk membina semula Gaza dan memperjuangkan isu Palestin," kata Erdogan dalam sidang media bersama Presiden Indonesia, Prabowo Subianto yang sedang melakukan lawatan rasmi ke ibu negara Turkiye, Ankara.

Israel menentang penyelesaian dua negara dalam konflik Palestin-Israel dan membunuh lebih 50,000 orang di Gaza sejak 7 Oktober 2023.

Terdahulu, Prabowo diberi sambutan di Istana Presiden dan turut berucap di Parlimen Turkiye.

Erdogan berkata, Turkiye terus menjalin kerjasama dengan Indonesia di pelbagai platform antarabangsa, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Kumpulan G20, D-8 dan MIKTA.

Erdogan menyifatkan ucapan Prabowo di Parlimen Turkiye merupakan manifestasi terindah persaudaraan yang telah lama terjalin antara kedua-dua negara.

Sementara itu, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk memperkuuh kerjasama dalam pelbagai bidang seperti industri pertahanan, pembinaan, kesihatan, tenaga dan makanan.

"Dalam konteks industri pertahanan, kami membincangkan projek-projek sedia ada dan meneroka peluang baharu, termasuk pengeluaran bersama," kata Erdogan.

Mengenai sektor pelancongan, beliau berpuas hati dengan jumlah pelancong Indonesia ke Turkiye yang mencecah 203,000 orang pada 2024.

Dalam hal perdagangan dua hala, Erdogan berkata: "Kami menyemak langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan jumlah dagangan kepada sasaran AS\$10 bilion secara seimbang dan saling menguntungkan".

Mengulas mengenai Forum Diplomasi Antalya yang bermula Jumaat dan turut dihadiri oleh Prabowo, Erdogan menyatakan, "Minat mendalam ini sekali lagi menunjukkan pengaruh Turkiye yang semakin berkembang dalam arena diplomasi global. Saya benar-benar percaya bahawa lawatan Presiden Subianto akan memperkuuh kerjasama kita, baik daripada segi dua hala mahupun pelbagai hala," katanya.

- ©BERNAMA

Gempa bumi 5.0 skala Richter landa bahagian tengah Myanmar

YANGON, 11 April. - Gempa bumi berukuran 5.0 skala Richter melanda kawasan tengah Myanmar kira-kira 10.59 pagi waktu tempatan pada Jumaat, lapor agensi berita Xinhua memetik Jabatan Meteorologi dan Hidrologi (DMH) negara itu.

Menurut laporan, pusat gempa berada pada kedalaman 10 kilometer dan terletak kira-kira lima batu ke tenggara bandar Wundwin di wilayah Mandalay. - ©BERNAMA



SUKAN OLIMPIK LA 2028 TAMPILKAN 22 LAGI ACARA BAHARU



GENEVA, 10 April. - Sukan Olimpik Los Angeles 2028 akan menampilkan 22 lagi acara daripada Paris 2024, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) mengumumkan pada Rabu.

Sebanyak 351 acara dalam program LA28 dan kuota atlet ialah 10,500, dengan tambahan 698 tempat kuota diperuntukkan untuk lima sukan - besbol/softbol, kriket, bola sepak bendera, lacrosse dan skuasy - yang dicadangkan oleh jawatankuasa pengatur LA28.

IOC juga mengumumkan semua sukan berpasukan akan mempunyai sekurang - kurangnya bilangan pasukan wanita yang sama seperti pasukan lelaki buat kali pertama

dalam sejarah Olimpik. Kesaksamaan jantina adalah pertimbangan utama apabila memutuskan kuota atlet dan bilangan acara, kata IOC. Dalam program sukan awal, bilangan atlet wanita adalah 5,333, berbanding 5,167 atlet lelaki.

LA28 juga akan menampilkan acara campuran dalam memanah, olahraga (4x100m lari berganti-ganti campuran), golf, gimnastik, mendayung pecut pesisir pantai dan pingpong. Dalam renang, acara 50 meter kuak belakang, rama-rama dan kuak dada semuanya akan mempertandingkan kategori lelaki dan wanita.

PAPAN tanda LA 2028 dan kuali Olimpik yang menyala dilihat di Los Angeles Memorial Coliseum, Amerika Syarikat, 13 September 2017.

Dalam sukan dayung, solo wanita (CW1x), solo lelaki (CM1x) dan sculls berganda campuran (CX2x) akan membuat penampilan sulung mereka dalam pecut pesisir pantai. Dalam bola keranjang 3x3, pasukan yang mengambil bahagian diperluaskan daripada lapan kepada 12 pasukan bagi setiap jantina di LA28, manakala dalam sukan mendaki, kategori boulder dan lead kini akan dipertandingkan sebagai acara pingat yang berasingan.

IOC juga menunjukkan bahawa 24 daripada 31 Persekutuan Antarabangsa Olimpik telah mengumumkan permintaan untuk perubahan dalam program acara mereka dari Paris 2024. Secara keseluruhan, 46 acara baharu telah diminta (16 lelaki / 17 perempuan / 13 campuran), enam daripadanya berpotensi menggantikan acara sedia ada, menjadikan jumlah bersih 40 lagi acara yang diminta. Secara keseluruhan, sebanyak 772 tempat kuota tambahan telah diminta untuk program sukan dan acara awal seramai 10,500 atlet (339 lelaki / 433 perempuan). IOC meluluskan kemasukan tinju di LA28 pada Mac 2025, menjadikan jumlah sukan meningkat kepada 31. - ©XINHUA

BRUNEI FUTSAL LEAGUE KEDUDUKAN PASUKAN BRUNEI ELITE FUTSAL LEAGUE 2024/2025

POS	CLUB	P	W	D	L	GF	GA	GD	PTS
1	KASUKA & AR RAWDA	9	9	0	0	63	20	43	27
2	ALMEREZ HITUNE FC	7	6	0	1	48	24	24	18
3	KAMPUNG BUANGKOK FC	9	6	0	3	41	29	12	18
4	MS ABDB	7	3	1	3	27	28	-1	10
5	SHAH UNITED	6	3	0	3	32	32	0	9
6	DDT FC	7	1	1	5	19	39	-20	4
7	KOTA RANGER BK FC	8	1	0	7	17	52	-35	3
8	ARBISYAM FC	7	0	0	7	8	31	-23	0

BRUNEI FUTSAL LEAGUE KEDUDUKAN PASUKAN BRUNEI PREMIER FUTSAL LEAGUE 2024/2025

POS	CLUB	P	W	D	L	GF	GA	GD	PTS
1	HARS ELITE	6	6	0	0	41	8	33	18
2	MS PPDB	5	5	0	0	35	7	28	15
3	PES	6	5	0	1	34	9	25	15
4	STREET UNITED	6	3	0	3	24	15	9	9
5	SYAHKAMPONG	6	2	1	3	17	23	-6	7
6	SILVEREDZ FC	7	2	1	4	17	35	-18	7
7	FC PHOSPHOR	6	0	0	6	2	35	-33	0
8	MS SSBD	6	0	0	6	6	44	-38	0

MATCH SCHEDULE

13TH APRIL - 15TH APRIL 2025

UBD.SC SUNDAY, 13TH APRIL 7:15 PM	SHAH UNITED VS DDT.FC
UBD.SC SUNDAY, 13TH APRIL 9 PM	ALMEREZ HITUNE FC VS MS ABDB
MPH TUESDAY, 15TH APRIL 7:15 PM	ARBISYAM FC VS DDT.FC
MPH TUESDAY, 15TH APRIL 9 PM	KOTA RANGER VS SHAH UNITED

POWERED BY



Tahukah Awda

MATLAMAT Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 ialah mewujudkan Perkhidmatan Awam yang mempunyai iltizam untuk memberi khidmat bakti, berkualiti, berkesan, cemerlang, berakhhlak dan beretika di dalam pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sehingga berjaya melahirkan negara aman makmur dan mendapatkan keampunan dan berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

SUMBER : msd.gov.bn

Pandeleta terlepas aksi final Piala Dunia Terjun di Kanada

KUALA LUMPUR, 11 April. - Ratu terjun negara, Datuk Pandelela Rinong gagal layak ke final acara 10 meter (m) platform wanita di Piala Dunia Terjun Akuatik 2025 di Windsor, Kanada, semalam.

Dalam pusingan awal yang berlangsung pada awal pagi itu, Pandelela menamatkan saingan di tempat ke-20 dengan mengumpul 235.90 mata sekali gus terlepas slot 12 terbaik untuk melangkah ke final pada Ahad ini.

Penerjun China, Quan

Hongchan dan Chen Yuxi mendominasi acara itu apabila merebut dua tempat teratas.

Quan, pemenang pingat emas acara 10m platform pada Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan Paris 2024, meraih 404.15 mata untuk berada di tempat pertama.

Sementara itu, Chen yang bergandingan dengan Quan untuk merangkul pingat emas dalam acara 10m platform seirama di Paris 2024, di tempat kedua dengan 376.45 mata.

- ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BUKAN HAK KITA UNTUK MENILAI KESENANGAN DAN KESUSAHAN ORANG LAIN